Ahli-Ahli :

Awang Mohammad Ammar Izzuddin bin Awang Rosli, Penganalisa Sistem

Awang Mohammad Rosmarimey bin Haji Osman, Penyelia Sistem

Sinopsis :

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) telah mula memperkenalkan *One Government Private Cloud (OGPC)* pada tahun 2012 yang menggunakan *Cloud Computing Technology* dengan tujuan untuk mengurangkan pembelian peralatan-peralatan *hardware* bagi projek ICT dalam sektor Kerajaan.

Dengan menggunakan *Cloud Computing*, peralatan-peralatan seperti *server* dan *storage* dapat dikonsolidasikan dan dipadatkan ke dalam beberapa peralatan *servers* dan *storage* yang berkemampuan tinggi dalam bentuk *virtualized server* dan *virtualized storage*. *Cloud Computing* juga membolehkan semua sistem dan aplikasi Kerajaan disimpan secara pusat, memudahkan ia diakses oleh pelanggan di mana sahaja sama ada melalui telefon



pintar, tablet, komputer riba atau mana-mana komputer yang mempunyai sambungan internet. Oleh kerana ia bersifat persendirian (*private*), ke semua maklumat sistem dan aplikasi yang tersimpan di dalam infrastruktur OGPC adalah dalam keadaan terkawal dan selamat.

Sejak tertubuhnya OGPC, pihak Kerajaan telah berjaya mendapatkan faedah-faedah seperti berikut:

- Penjimatan sebanyak 65% peruntukan bagi pembelian perkakasan infrastruktur dalam tempoh satu tahun yang berjumlah \$8.8 juta.
- Penjimatan masa di mana sistem-sistem dan aplikasi Kerajaan tidak perlu menunggu peralatan-peralatan *hardware* untuk didatangkan kerana ia sudah tersedia dalam OGPC. Penjimatan masa ialah dari beberapa bulan ke beberapa hari sahaja.
- Selain itu, ia juga telah berjaya menampung tiga kali ganda sistem-sistem dan aplikasi dari jumlah jangkaan awal.

Objektif Projek :

Objektif utama projek ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan infrastruktur *private cloud* bagi menampung *virtualized environment* untuk menyediakan 'Infrastruktur Sebagai Perkhidmatan' dan juga 'Penyimpanan 2 Data Sebagai Perkhidmatan' dalam sektor Kerajaan. Perkhidmatan-perkhidmatan gunasama ini adalah satu kaedah yang mudah dan cepat bagi penyimpanan sistem-sistem dan aplikasi-aplikasi Kerajaan secara pusat, membolehkan ketangkasan dan pertumbuhan projek-projek IT yang lebih besar.

Hasil dari pelaksanaan projek ini, perkongsian perkhidmatan sumber pengkomputeran dapat direalisasikan di mana lebih banyak *virtual server* dan *virtual storage* dapat disimpan di dalam perkakasan fizikal yang sama. Ia juga telah menghasilkan faedah-faedah seperti berikut :

- Penjimatan kos dari segi pembelian perkakasan baru bagi menampung projek-projek IT di setiap Kementerian-kementerian Kerajaan. Ini juga secara tidak langsung membolehkan penggunaan sumber pengkomputeran yang maksimum, selain dapat memberikan penyelenggaraan yang lebih baik dan efisien. Manakala pengurangan kos tetap dalam penggunaan elektrik bagi meningkatkan daya kuasa dan pendinginan perkakasan di pusat data boleh dicapai.
- Sistem pengurusan yang lebih fleksibel yang berkeupayaan dalam menyediakan sumber IT yang lebih cepat dan responsif menurut *business requirements* projek. Masa diperlukan oleh organisasi dalam menyediakan *server* baru berkurangan daripada minggu kepada hari dan paling singkat, iaitu cuma memerlukan beberapa minit sahaja.

5. KUMPULAN RANGKAIAN E-G-N-C

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)

Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Projek : “ONE GOVERNMENT NETWORK”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 21 Januari 2012/ Tarikh Dilaksanakan : 25 April 2012



Ahli-Ahli :

Awang Mohammad Izzat Hilmi bin Wahid, Jurutera Sistem

Dayang Nuramira binti Haji Ismail, Penganalisa Sistem

Awang Mohammad Nawi bin Salleh, Penyelia Sistem

Sinopsis :

One Government Network (OGN) adalah infrastruktur rangkaian kawasan-luas yang diwujudkan bagi menghubungkan agensi-agensi Kerajaan, intitusi-intitusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah dan maktab serta sektor swasta (*Government Link Company*) untuk mengakses perkhidmatan-perkhidmatan e-kerajaan dan juga melayari kemudahan internet dalam persekitaran yang terkawal dan selamat.

Selain menyediakan perkhidmatan kepada agensi-agensi Kerajaan, talian OGN di bawah nama *National Education Network (NEN)* juga telah mula diperkenalkan ke sekolah-sekolah Kerajaan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi pada tahun 2014 bagi menyediakan



infrastruktur ke arah pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan penggunaan teknologi info-komunikasi dalam bidang pendidikan.

Perkhidmatan ini terlaksana dari hasil kerjasama Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) dengan Syarikat Telbru Sdn Bhd setelah kontrak bagi tempoh 10 tahun ditandatangani pada tahun 2012. Hasil dari penggantian sistem tersebut, Kerajaan telahpun membuat penjimatan sebanyak 94%, iaitu berjumlah \$810,615.82 setahun disebabkan harga yang ditawarkan untuk sistem baru ini jauh lebih murah dari sebelumnya.

Objektif Projek :

Objektif utama projek ini dilaksanakan adalah untuk menggantikan sistem rangkaian lama, iaitu *E-Government Bandwidth* (EGBW) yang mana terdapat kekurangan dari segi harga, teknologi dan juga rekabentuk struktur. Projek ini pada masa itu berkait rapat dengan Pelan Strategik E-Kerajaan 2009-2014, iaitu :

- Kolaborasi di antara agensi-agensi Kerajaan
Satu rangkaian yang sama akan diwujudkan bagi meningkatkan komunikasi yang sedia ada dan membuat ia lebih mudah bagi agensi-agensi Kerajaan untuk bekerjasama dengan lebih berkesan secara elektronik.
- Infrastruktur e-kerajaan
Kemudahan dan sumber ICT akan diselaraskan di seluruh agensi Kerajaan untuk memastikan penggunaan yang cekap dan kos efektif.
- Penyampaian perkhidmatan e-kerajaan
Semua perkhidmatan Kerajaan yang berbentuk elektronik akan boleh diakses dalam talian melalui internet dan lain-lain saluran media elektronik.

6. KUMPULAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI

Jabatan Radio Televisyen Brunei

Jabatan Perdana Menteri

**Tajuk Projek : “PENGHIJRAHAN SEPENUHNYA KEPADA SIARAN TELEVISYEN
DIGITAL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2000 / Tarikh Dilaksanakan : Tahun 2005



Ahli-Ahli :

Pengiran Haji Mahari bin Pengiran Haji Abd Rajak, Timbalan Pengarah (Kemajuan)

Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohd Kifli, Jurutera Pengawas

Awang Mohammad Shamsul bin Haji Sanif, Jurutera Pengawas

Dayang Aminah binti Metali, Jurutera

Awang Haji Daud @ Haji Duad bin Haji Zakaria, Jurutera

Awang Haji Muhammad Noor Azmi bin Haji Suhaimin, Jurutera

Sinopsis :

Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) telah melaksanakan projek pendigitalan televisyen terrestrial sejak beberapa tahun kebelakangan untuk berhijrah ke siaran digital sepenuhnya. Pelaksanaan projek pendigitalan ini dilaksanakan secara berfasa dan telah mengambil masa yang agak lama.

Secara amnya komponen projek ini terdiri daripada empat (4) fungsi kritikal termasuk menaiktaraf infrastruktur teknikal, memastikan ketersediaan alat penerima, menganjurkan kempen pendidikan dan kesedaran serta merancang dan melaksanakan penutupan siaran television terrestrial analog yang sedia ada.

Projek ini telah mencatat beberapa pencapaian yang signifikan. Pada masa ini siaran digital dalam piawaian DVB-T2 secara amnya dapat diterima di seluruh negara. Tertakluk kepada kadar penerimaan (*take-up rate*) orang ramai terhadap siaran digital, Jabatan RTB merancang pelaksanaan penutupan siaran televisyen analog, yang mana proses ini juga dikenali sebagai *analogue switch-off (ASO)* atau *Digital Switch-Over*, dijangkakan pada tahun 2017. Inisiatif ini adalah selaras dengan trend perkembangan teknologi dalam industri penyiaran dan juga didorong oleh keadaan peralatan analog pemancaran RTB yang semakin merosot.

Objektif Projek :

Projek penghijrahan ini merupakan satu peristiwa penting dalam industri penyiaran dan telah dilaksanakan oleh kesemua negara di seluruh dunia. Selaras trend global, RTB juga telah merancang bagi memerhentikan siaran televisyen analog untuk berhijrah sepenuhnya ke siaran dalam format digital pada tahun 2017.

Tujuan projek ini mengandungi beberapa komponen seperti berikut :

- *Infrastructure* teknikal
Untuk menaiktaraf infrastruktur teknikal di RTB ke arah digital *switch-on* untuk menyediakan perkhidmatan penyiaran televisyen digital yang dapat diterima oleh keseluruhan penduduk di Negara Brunei Darussalam.
- Alat penerima televisyen digital
Untuk memastikan ketersediaan penerima televisyen digital, iaitu *set-top-box (STB)* dan *integrated digital tv (iDTV)* pada harga yang berpatutan di pasaran.
- Kempen pendidikan dan kesedaran
Untuk memastikan orang ramai memahami dan menyedari pelaksanaan projek pendigitalan televisyen dan perancangan Jabatan RTB ke arah penutupan siaran televisyen analog dan seterusnya bersedia dengan peralatan yang diperlukan bagi menerima siaran televisyen digital.

7. KUMPULAN DINAMIK DUO

Pusat Al-Islah

Biro Kawalan Narkotik

Jabatan Perdana Menteri

**Tajuk Projek : “SISTEM INTEGRASI DATA MAKLUMAT PUSAT AL-ISLAH CEKAP,
JIMAT DAN BERKESAN”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Jun 2010 / Tarikh Dilaksanakan : Januari 2014



Ahli-Ahli :

Dayang Siti Norhadinah binti Haji Marsal, Ketua Pegawai Narkotik I

Awang Zaki bin Haji Sahak, Penolong Pegawai Narkotik I

Sinopsis :

Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik mencalonkan satu projek iaitu Sistem Integrasi Data Maklumat Pusat Al-Islah (PAI) dengan tajuk Cekap, Jimat dan Berkesan. Pusat Al-Islah adalah satu-satunya institusi di bawah Jabatan Biro Kawalan Narkotik yang memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah di negara ini.



Sistem Integrasi Data Maklumat PAI ini berfungsi membantu mempertingkatkan urusan pentadbiran dan pengurusan dalam proses rawatan dan pemulihan dadah di Pusat Al-Islah. Objektif projek ini adalah untuk menghargai inisiatif, dedikasi dan komitmen kepada pegawai ANO1 Awang Zaki bin Haji Sahak yang berusaha membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam bidang pengurusan rawatan dan pemulihan dadah dengan hanya menggunakan sistem 'Microsoft Access' / Pengkalan Data (tanpa menggunakan kos), menggunakan sepenuhnya pembekalan yang sedia ada oleh pihak Kerajaan. Ianya amat sesuai digunakan bagi menampung keperluan urusan kerja sesuai dengan prasarana Pusat Al-Islah.

Sistem ini yang mengandungi gagasan (*variables*) mengikut kepada keperluan bagi tujuan rujukan, pemantauan, pengumpulan maklumat (data statistik) agar dapat memberikan perkhidmatan dengan cepat dan berkesan. Hasil dan impak yang ketara adalah ianya telah memberikan kemudahan kepada pihak pengurusan Biro Kawalan Narkotik dan beberapa agensi Kerajaan yang memerlukan data bagi kajian yang berkaitan dengan sosio-ekonomik, demographik residen dengan cepat dan tepat.

Sistem ini digunakan untuk merujuk, menilai dan memantau proses rawatan dan pemulihan melalui rekod peribadi, penilaian perkembangan setiap residen di samping maklumat akan aktiviti pentadbiran di Pusat Al-Islah. Hasil dan impak dari penggunaan sistem ini telah banyak memberikan kemudahan pada keperluan rujukan pada mesyuarat Jawatankuasa Perkembangan Kemajuan Residen dan pada mesyuarat Lembaga Jemaah Penasihat setiap bulan.

Objektif Projek :

- Untuk menghargai inisiatif, dedikasi dan komitmen kepada pegawai (ANO1 Awang Zaki bin Haji Sahak) yang berusaha membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam bidang pengurusan rawatan dan pemulihan dadah di Pusat Al-Islah dan Biro Kawalan Narkotik secara amnya.
- Untuk mengetengahkan inovasi, usaha dan komitmen seorang pegawai di Pusat Al-Islah agar dapat dijadikan sebagai pengiktirafan dan motivasi daripada hasil usaha yang telah dilaksanakan.
- Untuk meningkatkan perpaduan dan motivasi kepada pegawai dan kakitangan dalam sama-sama mencapai kualiti dan keberkesanan sistem pengurusan di Pusat Al-Islah dengan penggunaan sistem integrasi data maklumat.

8. KUMPULAN PANDUAN JAYA

Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja
Kementerian Pertahanan

Tajuk Projek : “ BUKU GARISPANDU INFRASTRUKTUR KEMENTERIAN PERTAHANAN ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 25 Mac 2011 / Tarikh Dilaksanakan : 13 Jun 2013



Ahli-Ahli :

Dayang Hajah Marliyana binti Haji Abdullah Fung, Pengarah
Awang Kamaludin bin Haji Timbang, Juruukur Bahan Kanan
Awang Haji Alauddin bin Haji Abdullah, Jurutera Kerja
Awang Abdul Shaib bin Haji Abdul Mumin, Jurutera Kerja
Dayang Sabrina binti Hamidon, Jurutera Kerja
Awang Mohd Sofian bin Morni, Jurutera
Pengiran Jefri bin Pengiran Tajuddin, Arkitek
Awang Haji Abdul Halim bin Haji Hitam, Pengurus Estet

Sinopsis :

Kesilapan kadang-kadang berlaku semasa di peringkat penyediaan reka bentuk infrastruktur (sebelum reka bentuk bermula), di mana sering terjadi pihak pengguna ini meminta keperluan yang berlebihan dan ada juga pihak pengguna tidak tahu apa yang mereka kehendaki.

Sekiranya ini terjadi sering berlaku projek yang disiapkan tidak digunakan sepenuhnya dan ada yang tidak dapat digunakan langsung kerana tidak menepati fungsi bangunan berkenaan, menyebabkan pembaziran wang Kerajaan yang bukan sedikit. Bagi kes yang lain juga ada projek yang telah siap tetapi tidak mencukupi disebabkan pihak pengguna tidak memberikan keperluan yang cukup kepada pihak yang mereka-bentuk pada awalnya. Ini juga menjadi masalah kerana memerlukan pesanan perubahan dan peruntukan tambahan yang mana prosesnya agak rumit dan yang selalunya memakan masa.

Manakala antara perkara-perkara yang perlu diberi garispendu ialah *Planned Preventive Maintenance (PPM)* dan *Green Initiatives*. Ianya sangat perlu bagi memastikan infrastruktur-infrastruktur, bangunan-bangunan dan apa-apa jua aset-aset berkaitan dengan infrastruktur di kesemua Estet Kementerian Pertahanan bukan saja bertahan lama, malah menjimatkan penggunaan tenaga elektrik bagi salah satu cara untuk mencapai objektif mesra alam dan sebagainya.

Keperluan infrastruktur bagi *Information Technology and Communication (ICT)* juga diambil kira untuk diintegrasikan dengan struktur bangunan baik bagi rekabentuk baru atau pun bagi kerja-kerja ubahsuai dan pembesaran bangunan.

Projek ini memberi keberkesanan dan impak yang sangat ketara dalam meningkatkan mutu penyediaan prasarana terhadap Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Projek ini berjalan dengan lancar dengan sokongan pihak atasan serta maklum balas dari pihak pengguna sangat meyakinkan untuk meneruskan inisiatif jabatanarah ini. Jumlah perbelanjaan dan kerja-kerja yang dilaksanakan dapat dikawal, dengan terus mempraktikkan sikap kesederhanaan dan berhemah. Impak yang diperolehi dari Buku Garispandu Infrastruktur Kementerian Pertahanan dapat memperlihatkan tatacara penjimatan perbelanjaan secara jangka panjang. Dengan usaha tanpa henti, sikap atau tatacara penjimatan ini boleh sahaja diteruskan untuk rancangan-rancangan yang akan datang, dengan erti kata menerbitkan buku garispandu edisi kedua dijangkakan akan dapat memperkuatkan lagi sikap berhemah dan berjimati cermat selaras dengan etika "*Hindari Pembaziran, Amalan Terpuji*".

Objektif Projek :

- Pemudahcara dalam merancang / menyediakan rekabentuk infrastruktur
- Penerapan konsep hijau dan *efficiency* penggunaan tenaga
- Tanda aras (*benchmark*) penyediaan bangunan-bangunan baru serta bangunan-bangunan sedia ada yang memerlukan pengubahsuaian selaras dengan keadaan semasa.
- Usaha pencapaian perbelanjaan berhemah menjurus dengan keperluan atau *requirement* pihak pengguna dan mengikut keutamaan
- Pemudahcara dalam memberikan atau merangka perkhidmatan berjadual melalui lawatan dari pihak agensi serta wakil yang kompeten untuk memastikan infrastruktur-infrastruktur dan alat-alat yang berkaitan adalah dalam keadaan yang baik dan beroperasi dengan betul dan selamat, serta dapat mengelakkan kerosakan yang mendadak dan *downtime* yang lama.
- Memberikan jaminan secara jangka-panjang dalam menjaga, memelihara, infrastruktur-infrastruktur dan alat-alat yang berkaitan, agar kos atau jangka hayat setiap aset dapat dikawal dan diramal dengan betul.

9. KUMPULAN C.S.I (*COMPLIANCE STANDARD INTEGRATION*) TEAM

Jabatan Perbendaharaan

Kementerian Kewangan

Tajuk Projek : “ E-PAYMENT GATEWAY (ePG) ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 05 Ogos 2009 / Tarikh Dilaksanakan : 17 Mei 2011



Ahli-Ahli :

Dayang Poh kui Choon, Penolong Jurukira Agung Tingkat I

Dayang Koh Kai Teng, Ketua Operasi

Awang Yukhairi bin Yahaya, Technical Lead

Awang Mohd Nasrullah bin Adanan, Pegawai Kewangan

Dayang Nor Hafizah binti Haji Mail, Pegawai Kewangan

Dayang Norhaslina binti Ali, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II

Awang Muhammad Zahid Shaakir bin DP Wahid, Pegawai Kewangan

Dayang Affie Emmisa binti Musa, Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I

Dayang Nur Fatin Hamamah @ Diyana binti Haji Burhanuddin,

Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I

Awang Haji Muhammad Hazran bin Haji Maksin, Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I

Dayang Nur Afifah binti Haji Md Yusof, Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I

Sinopsis :

Projek *e-Payment Gateway* (ePG) merupakan salah satu projek *Flagship* e-Kerajaan yang diterajui oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dengan hasrat untuk digunapakai oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam kutipan hasil. Fasiliti ini akan menjadi pemangkin (*catalyse*) perkhidmatan-perkhidmatan e-Kerajaan sejajar dengan matlamat pelaksanaan Program e-Kerajaan mengikut Pelan Strategik e-Kerajaan 2009-2014, untuk memberikan perkhidmatan berkualiti dan laluan penyampaian perkhidmatan yang mudah diperolehi oleh orang ramai serta bersifat interaktif melalui penggunaan teknologi terkini.

Objektif utama Projek ePG ialah bagi membina satu *platform* pembayaran (sistem *e-Payment Gateway*) yang boleh diintegrasikan dengan sistem billing dan kutipan hasil agensi-agensi Kerajaan dan sistem institusi-institusi kewangan (Bank) bagi memudahkan pengendalian kutipan hasil agensi berkenaan daripada orang ramai dan juga sektor swasta yang terlibat. Melalui projek ini, empat (4) buah Agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Pengangkutan Darat dan Bahagian Hasil Kementerian Kewangan serta empat (4) buah bank iaitu Baiduri Bank, BIBD, HSBC dan SCB dicadangkan untuk diintegrasikan ke sistem ePG.

Dengan integrasi ini, pembayaran bil Jabatan di atas boleh dilaksanakan melalui berbagai saluran-saluran pembayaran (*payment channels*) yang dipelawakan oleh pihak agensi dan pihak bank seperti pembayaran melalui kaunter, *online banking*, *ATM*, *CDM*, *mobile banking* dan sebagainya.

Sistem ePG ini bukan sahaja memudahkan dan menjimatkan masa orang awam dalam melakukan pembayaran bil, maklumat pembayaran yang diterima juga dilaporkan terus secara automatik ke Jabatan Perbendaharaan sekaligus memudahkan proses penyelarasan (*reconciliation*) *back-end* di agensi Kerajaan serta mengurangkan proses manual dan kerja bertindih.

Objektif Projek :

- Menyediakan platform pembayaran secara elektronik bagi membolehkan pembayaran bil Kerajaan dibuat secara *online*;
- Mewujudkan kemudahan *Bill Presentment* di mana ia membolehkan bil-bil Kerajaan [*consolidated bill*] disatukan;
- Menggunakan spesifikasi atau garispandu yang *standard* dan mematuhi Peraturan Kewangan 1983 bagi semua *eletronic back-end interface* yang membolehkan Jabatan, institusi kewangan dan saluran pembayaran untuk diintegrasikan ke sistem ePG dengan mudah;
- Menggantikan semua perhubungan "*point to point*" yang berasingan di antara sistem bank dan agensi Kerajaan dengan perhubungan "*one-to-many*", sekaligus mengurangkan kos bagi perubahan atau menaiktaraf sistem agensi Kerajaan;

- Mengemaskinikan dan menghantar laporan kutipan hasil dari semua agensi Kerajaan ke Jabatan Perbendaharaan secara elektronik bagi memudahkan proses penyelarasan (*reconciliation*);
- Mengurangkan proses manual dan mengelakkan kerja yang bertindih (*duplication of work*) di Agensi Kerajaan, Institusi Kewangan dan Jabatan Perbendaharaan;
- Mengurangkan kos operasi agensi Kerajaan dalam proses kutipan hasil; dan
- Mengurangkan penyelewengan dalam kutipan hasil Kerajaan.

10. KUMPULAN IMMI-TECH

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Negara

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**Tajuk Projek : “BI-SMARTGATE” TEKNOLOGI BERINOVATIF PEMANGKIN KECEMERLANGAN
PERKHIDMATAN AWAM MENUJU WAWASAN 2035 “**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Februari 2015 / Tarikh Dilaksanakan : Julai 2015



Ahli-Ahli :

Dayang Refa'ah binti Ali Osman, Penolong Pengarah Imigresen

Awang Amir bin Ringgit, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Dayang Norismahfadzalina binti Ismail, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Pengiran Anak Yaumil Asri bin Pengiran Anak Haji Ibrahim, Pegawai Imigresen Kanan

Dayang Noor Mesreya binti Haji Sulaiman, Pegawai Imigresen

Awang Mod Idzuan bin Md Hashim, Pegawai Imigresen

Awang Abdul Mu'iid bin Mustaffa, Pegawai Imigresen

Sinopsis :

Sejak penubuhan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 1958, Jabatan ini terus komited untuk menjalankan tanggungjawabnya dalam mengawal keselamatan sempadan Negara. Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam memberikan kemudahan-kemudahan imigresen dan salah satu peranan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah bagi memastikan setiap individu yang berhajat untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam dan keluar dari negara ini hendaklah melalui pos-pos kawalan imigresen untuk diperiksa dan disahkan identiti dan dokumen perjalanannya. Pemeriksaan imigresen yang dijalankan adalah signifikan untuk menghindari isu penipuan identiti, tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam serta isu-isu jenayah merentas sempadan. Pemeriksaan yang dilaksanakan akan dapat mengumpul statistik rekod perjalanan orang ramai secara amnya.

Semasa pemeriksaan dijalankan, pengesahan setiap identiti individu berkenaan memerlukan kerjasama daripada individu tersebut. Pemeriksaan yang dijalankan akan mengambil tempoh masa tertentu sebelum pegawai-pegawai di kaunter imigresen akan dapat memberikan kebenaran berlepas dari dan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Memastikan keselamatan negara dengan cekap dan memberikan kemudahan perkhidmatan kepada orang ramai dengan efisien terutama terhadap tempoh masa yang diambil bagi pemeriksaan imigresen merupakan cabaran utama kepada Jabatan ini.

Dengan itu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan iaitu pemeriksaan imigresen kepada orang ramai dan memastikan keselamatan negara ini sentiasa terjamin, Jabatan ini telahpun memperkenalkan perkhidmatan kaunter automatik E-gate yang diberi nama *BI-Smartgate*. *BI-Smartgate* bermaksud Brunei *Immigration-Smartgate*. Pelbagai cabaran dan pencapaian telahpun dihadapi oleh Jabatan ini dalam mengimplementasikannya. Walau bagaimanapun Jabatan ini melihat kepada positifiti dan faedah penggunaannya, bagi warga Jabatan ini khasnya bagi penduduk Negara Brunei Darussalam secara amnya.

Objektif Projek :

Adapun pelaksanaan perkhidmatan kaunter automatik *BI-Smartgate* di bahagian berlepas dan ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) adalah bertujuan bagi memberikan penambahbaikan dan efisiensi perkhidmatan pemeriksaan imigresen kepada orang ramai amnya. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, pelaksanaan perkhidmatan kaunter pemeriksaan imigresen secara automatik ini juga merupakan salah satu inisiatif Jabatan dalam meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan awam secara menyeluruh.

11. KUMPULAN AZRAQ

Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap, Pendidikan Teras

Kementerian Pendidikan

Tajuk Projek : “ IMPLEMENTASI INISIATIF PENDIDIKAN RENDAH (PEI) ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : November 2014 / Tarikh Dilaksanakan : 03 Januari 2015



Ahli-Ahli :

Dr Dayang Hajah Zurina binti Haji Harun, Pemangku Penolong Pengarah

Dayang Lina Salwana binti Hussin, Pegawai Pendidikan

Awang Hazarry bin Haji Ali Ahmad, Pegawai Pelajaran

Awang Mohammad Redzuan bin Haji Botty, Pegawai Pendidikan

Dayang Siti Hana binti Abdul Muiz @ Valerie Tan Chai Yen, Pegawai Pendidikan

Sinopsis :

Pendidikan di peringkat rendah adalah salah satu komponen pendidikan yang penting dalam alam pendidikan seseorang individu. Pendidikan rendah adalah hak asasi manusia setiap kanak-kanak di mana ia akan menyediakan ke semua asas seperti kurikulum akademik dan aktiviti ko-kurikular yang diperlukan bagi pertumbuhan minda, rohani dan fizikal serta ke arah kesinambungan di peringkat pendidikan menengah.



Dalam menekankan kepentingan pendidikan rendah, Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan telah menyasarkan 90 peratus pelajar untuk mencapai Gred A hingga C secara berperingkat dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) menjelang 2017. Sasaran ini adalah sebahagian daripada usaha Kementerian dalam menuju ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang menginginkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Bagi tujuan ini, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti lima (5) *focus areas* yang penting dalam mengatur strategi ke arah mencapai sasaran dan dalam masa yang sama meningkatkan prestasi pelajar dalam pendidikan rendah. Lima (5) *focus areas* tersebut ialah :

- Kepimpinan (*Leadership*)
- Pengajaran dan Pembelajaran (*Teaching and Learning*)
- Akauntabiliti dan Pengurusan Prestasi (*Accountability and Performance Management*)
- Kehadiran dan Faktor-Faktor Sosial (*Attendance and Social Factors*)
- Penghubung Berjalin (*Cross-cutting Enablers*)

Objektif Projek :

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan peratus pelajar Tahun 6 yang mendapat Gred A hingga C di dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2015 ke 74% dan seterusnya mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mensasarkan peratus keputusan PSR sebanyak 90% Gred A hingga C bagi tahun 2017.

12. KUMPULAN INEIS

Department of Information and Communication Technology
Kementerian Pendidikan

Tajuk Projek : “*INTEGRATED NATIONAL EDUCATION INFORMATION SYSTEM*”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 24 April 2013 / Tarikh Dilaksanakan : 23 Oktober 2013



Ahli-Ahli :

Awang Mohd Sahrudi Iswandi bin Hashim, Pegawai Pelajaran
Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan, Pegawai Pelajaran Kanan
Dayang Fakhriah binti Haji Junaidi, Pegawai Pelajaran
Awang Mohd Hazmi bin Haji Ahmad Daud, Pegawai Pelajaran
Dayang Halipah binti Haji Idris, Pegawai Pelajaran
Awang Haji Idris bin Haji Ali, Pegawai Pelajaran Kanan
Awang Haji Irwan bin Mamudin, Penyelia Sekolah-Sekolah Daerah
Dayang Maliana binti Haji Sabtu, Penyelia Sekolah-Sekolah Daerah

Sinopsis :

Di dalam hasrat mendukung dan memenuhi aspirasi Negara Brunei Darussalam, Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pendidikan (MOE) telah merancang strategi Teknologi Maklumat

dan Komunikasi (ICT) dan pelan tindakan di bawah payung e-Hijrah (*e-Hijrah Strategic framework and Blueprint, 2010*).

e-Hijrah direka adalah untuk mewujudkan semua komponen yang diperlukan ke arah penggunaan transformasi ICT dalam pendidikan. Salah satu dari tiga (3) laluan *strategic (Strategic Pathway)* yang ada di dalam program e-Hijrah adalah laluan “i-Services” yang mana tujuan utamanya ialah untuk mempermudah, mengautomasikan proses pentadbiran, laporan dan pengurusan Kementerian Pendidikan dan sekolah-sekolah di bawahnya.

Hasil laporan kajian e-Hijrah telah mengenalpasti dan mencadangkan sebuah sistem pangkalan data perlu wujud sebagai asas yang mengintegrasikan pengurusan sekolah dan beberapa jabatan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Sistem pangkalan data bagi Kementerian Pendidikan telah digelar sebagai Sistem Maklumat Pendidikan Kebangsaan Bersepadu, (*Integrated National Education Information System* atau ringkasnya iNEIS™). Ianya mengintegrasikan proses-proses kerja (*business process*) meliputi 154 buah Sekolah Kerajaan dan enam (6) jabatan (*Appendix F –*) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

iNEIS™ adalah dilaksanakan melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10) dan dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh (1) tahun. Projek iNEIS™ adalah salah satu projek yang di bawah pengurusan *Office of Programme Management*, Kementerian Pendidikan.

Objektif Projek :

Tujuan projek SCeB adalah dalam melaksanakan fasa pertama Sistem Pengurusan Maklumat (*Management Information System*) atau *Enterprise Resources Planning System (ERP System)* untuk menyelaraskan dan mengubahsuai *Business Process* Kementerian Pendidikan selaras dengan keperluan supaya ia akan dapat digunakan dengan lebih baik lagi dalam menyokong, melaksana, memantau dan mengukur SPN21 serta memperbaiki fungsi operasi Jabatan dan Sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan. Pengurusan Sistem Maklumat atau MIS Kementerian Pendidikan ini telah digelar sebagai Sistem Maklumat Pendidikan Kebangsaan Bersepadu, (*Integrated National Education Information System* ringkasnya iNEIS™).

Projek iNEIS™ bukan sahaja menyokong, melaksana, memantau dan mengukur SPN21 serta memperbaiki fungsi operasi Jabatan dan Sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan, bahkan ianya bertanggungjawab bagi menyediakan sebuah platform aplikasi dan teknologi untuk memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan di masa depan. Pertumbuhan pesat proses kerja pendaftaran pelajar ke sekolah-sekolah dan perubahan yang ketara ke atas sistem operasi kementerian selaras dengan SPN21 memerlukan sistem iNEIS™ di Kementerian Pendidikan. Sehubungan itu, iNEIS™ telah direka bentuk untuk menyediakan platform dalam menampung *Business Process* yang harmoni dan fleksibel bagi memenuhi *Business Process*

sekarang dan di masa hadapan, serta keperluan operasi dan *integrasi* jabatan di bawah Kementerian Pendidikan.

Dengan pelaksanaan iNEIS™ tersebut, Kementerian Pendidikan adalah menuju ke arah memperbaiki kecekapan operasi dan produktiviti Jabatan dan Sekolah-sekolah, serta menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, dan pendidikan holistik kepada pelajar. Perkhidmatan yang diberikan oleh iNEIS™ akan diselaraskan melalui laluan *i-Services* lain yang terkandung di dalam inisiatif pelan tindakan e-Hijrah.

13. KUMPULAN 4 KAS

Sekolah Menengah Sultan Hassan

Bangar Temburong

Jabatan Sekolah-Sekolah

Kementerian Pendidikan

Tajuk Projek : “ KEBERSIHAN DAN KECERIAAN SEKOLAH ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2010 / Tarikh Dilaksanakan : Janunari 2011



Ahli-Ahli :

Dayang Riman binti Sitai, Timbalan Pengetua Pentadbiran

Dayang Rahimah @ Hashimah binti Haji Alli, Pegawai Pendidikan

Dayang Norain binti Haji Muslim, Guru

Awang Mohammad Hamdini bin Haji Abd Kadir, Pegawai Pendidikan

Awang Nor Muhammad Iqzal bin Abdul Hamid, Pegawai Pendidikan

Sinopsis :

Projek Kebersihan dan Keceriaan Sekolah mula diperkenalkan pada tahun 2010. Projek ini telah berhasil menciptakan sebuah sekolah yang bersih dan kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, projek ini telah mengubah set minda warga sekolah dalam menitikberatkan kebersihan di dalam sekolah dan sekitarnya dan membudayakan mereka

dalam melakukan amalan terbaik seharian. Pada peringkat awal pelaksanaan projek ini, cabaran terbesar yang dihadapi ialah set minda warga sekolah yang enggan menerima prosedur-prosedur baru yang diperkenalkan sebagai contoh penggunaan pas tandas secara sistematik.

Dengan berpegang kepada visi Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar iaitu “Persekitaran yang berkualiti menjana kesejahteraan hidup” dan dengan misinya iaitu “Mewujudkan, membentuk dan meningkatkan persekitaran yang bersih dan selamat menuju warga sekolah yang sihat”, Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar telah memenangi Anugerah Program Kebersihan, Keselesaan dan Keselamatan Tandas pada tahun 2011 di antara sekolah-sekolah dan maktab-maktab peringkat negara dan juga menjuarai Sekolah Bersih dan Ceria bagi kategori Sekolah Menengah dan Maktab Kerajaan pada tahun 2014 di Majlis Anugerah Kebersihan dan Keceriaan Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Maktab-Maktab di peringkat negara.

Untuk memperolehi pengiktirafan dan memenangi anugerah-anugerah tersebut memerlukan pengurusan yang sistematik dan teratur serta komitmen dan penglibatan daripada semua pihak untuk menjayakannya. Ianya merupakan salah satu faktor yang penting bagi meningkatkan mutu pendidikan suasana dan persekitaran sekolah yang bersih, ceria, tenteram dan selamat akan meningkatkan keselesaan pelajar dan melahirkan insan yang seimbang dari segi emosi, rohani dan intelek.

Objektif Projek :

- Untuk mewujudkan suasana sekolah yang lebih ceria dan harmonis.
- Untuk menerapkan amalan kebersihan kepada warga sekolah bagi memastikan persekitaran sekolah selamat, bersih dan ceria.
- Meningkatkan kesedaran akan penjagaan kemudahan di sekolah.
- Memupuk sikap bertanggungjawab di kalangan warga sekolah terhadap sekolah.
- Mewujudkan kerjasama di antara warga sekolah.
- Menjadikan kelas selesa sesuai dengan tuntutan ilmu dan kehendak proses pengajaran dan pembelajaran.
- Meningkatkan suasana kelas yang bersih, ceria dan selamat sesuai dengan perkembangan fizikal dan mental pelajar.
- Untuk mengelak penyakit seperti demam denggi, kolera, cirit-birit dan keracunan makanan sekiranya persekitaran sekolah terjaga.
- Untuk melatih warga sekolah menjaga kesihatan, kebersihan, keceriaan dan keindahan sekolah.

14. KUMPULAN AS-SAKINAH

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga

Jabatan Hal Ehwal Syariah

Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Tajuk Projek : “ MEMPERKASA PERKHIDMATAN BKNK KE ARAH PEMBENTUKAN
KELUARGA SAKINAH ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 03 Januari 2013 / Tarikh Dilaksanakan : 07 Mac 2013



Ahli-Ahli :

Awang Haji Saharuddin bin Haji Patra, Pegawai Ugama Kanan

Awang Muhammad Hanif bin Haji Sha'ari, Pegawai Ugama

Pengiran Tejuddin bin Pengiran Haji Ahmad, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumahtangga

Pengiran Halidi bin Pengiran Haji Ibrahim, Guru Ugama Tingkat Khas

Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Ali, Guru Ugama Tingkat Khas

Dayang Masliza binti Haji Mohamad, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumahtangga

Dayang Roziah binti Haji Bakir, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumahtangga

Dayang Normasuzah binti Badaruddin, Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumahtangga

Sinopsis :

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Syariah mempunyai peranan besar dalam membantu meningkatkan kesedaran masyarakat Islam kepada keperluan sebuah Keluarga Sakinah iaitu Keluarga Harmoni dan Penuh Kasih Sayang.

Untuk itu Kumpulan Sakinah BKNK bertindak meningkatkan keupayaannya dengan memastikan sumber-sumber yang ada mampu memberikan peranan yang cekap, berkesan dan bijak. Perkhidmatan yang menjadi prioritas dan *Core Business* BKNK dikembangmajukan ialah;

- Perkhidmatan Kursus Pra Nikah
- Perkhidmatan Khidmat Nasihat atau Kaunseling Keluarga
- Perkhidmatan Kursus Pasca Perkahwinan
- Perkhidmatan Taklimat / Bimbingan 'Keluargaku Harapanku'
- Perkhidmatan Taklimat Poligami Islam

Dalam memastikan BKNK berjaya memproduksi perkhidmatan yang cemerlang, Kumpulan Sakinah, BKNK telah mendayagunakan sumber-sumber agar melangkaui, sebanding serta terarah pada objektif yang ditentukan. Sumber-sumber yang didayagunakan ialah;

- Sumber Manusia : penambahahan kapasiti kemahiran dan kredibiliti sumber manusia.
- Prasarana: peningkatan bilangan prasarana (bahan-bahan yang dapat diwujudkan dan pembentukan kolaborasi bersama agensi-agensi.
- Fasilitis: peningkatan kuantiti bilangan perkhidmatan; *syllabus*, kurikulum, lokasi lokasi Kursus Pra Nikah, pengisian kursus.
- Akauntabiliti: memperbanyak jaringan-jaringan kerjasama yang mampu mendukung ke arah pengwujudan keluarga sakinah.

Implikasi Perubahan pada projek ini, BKNK telah dapat :

- Mewujudkan sistem pembelajaran Pra Nikah yang realistik;
- Menaiktaraf kaedah dan tatacara pendaftaran kursus Pra Nikah;
- Membangun sistem pengurusan kaunseling yang bersistematik;
- Mengembangmajukan program kesedaran Pembentukan Keluarga Islam.
- Meningkatkan unjuran melalui kolaborasi dan dukungan kerjasama kepada agensi-agensi lain yang berperanan membentuk keluarga sakinah.

Ke Arah Pembentukan Keluarga Sakinah :

- Khidmat Kaunseling Keluarga berfungsi dengan berkesan bagi menangani masalah dan mencari jalan penyelesaian;
- Kesedaran masyarakat kepada kesan-kesan poligami 'tidak sihat'.
- Pembentukan Keluarga Sakinah telah didukung dari pelbagai pihak.

Objektif Projek :

- Mempertingkatkan ilmu pengetahuan persediaan perkahwinan kepada pasangan yang akan berkahwin.
- Membentuk kualiti perkhidmatan yang komprehensif melalui penyediaan *syllabus* dan kurikulum Kursus Pra Nikah.
- Mengoptimalkan sumber manusia yang multi *tasking* dengan pelbagai skill serta kemahiran selaku penceramah, pengkursus, penerima pendaftaran, kaunselor dan fasilitator (3PKF) khususnya yang berkaitan dengan pembangunan institusi kekeluargaan.
- Mempertingkatkan penggunaan sumber-sumber kapasiti seperti logistik, teknikal dan bahan dalam memastikan perkhidmatan berjalan dengan padu dan berkesan.
- Mengembangmajukan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi yang difikirkan dapat membantu mendukung keluarga sakinah.
- Menjadikan kaji selidik sebagai bahan ukuran dan penelitian untuk memperkemas perkhidmatan agar mencapai sasaran dan kepuasan hati pelanggan.
- Menjuruskan objektif perkhidmatan melalui fokus dan strategi yang telah digariskan dalam Rancangan Strategik Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Wawasan Brunei 2035.
- Meningkatkan keutuhan Institusi Keluarga Islam dengan kaunseling yang realistik.
- Mengubah paradigma pemikiran pengadu kaunseling pada setiap masalah tidak berakhir dengan penceraian dan ada jalan penyelesaian.
- Meningkatkan kesedaran terhadap kesan poligami dalam institusi keluarga yang lemah.
- Mempertingkatkan pemahaman institusi keluarga Islam akan ilmu kekeluargaan.
- Mendayamajukan perkhidmatan asas sebagai lonjakan kepada peningkatan perkhidmatan.

Perkhidmatan asas BKNK :

- Kursus Pra Nikah
- Khidmat Nasihat / Kaunseling Keluarga dan Kes Mal (Kaitan dengan Mahkamah)
- Taklimat Poligami (Kaitan dengan Mahkamah)
- Kursus Pasca Perkahwinan
- Taklimat / Program Pembelajaran 'Keluargaku Harapanku'

15. KUMPULAN UPPA KHEU

Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam (UPPA)

Jabatan Pentadbiran

Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Tajuk Projek : “ KHIDMAT BANTU SOLAT PESAKIT DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2013 / Tarikh Dilaksanakan : Tahun 2015



Ahli-Ahli :

Pengiran Hajah Norasmawati binti Pengiran Haji Ahmad, Ketua Unit/ Pegawai Pelajaran
Ugama

Dayang Norain binti Haji Mat Yassin, Pegawai Pelajaran Agama

Dayang Hajah Rabiaah binti Haji Md Daud, Penolong Pegawai Ugama

Dayang Nur Ayuni binti Suhili, Penolong Pegawai Ugama

Awang Haji Mohd Azmi bin Haji Dullah, Guru Ugama Terlatih

Dayang Nurliyana binti Misli, Pekerja Tingkat Khas

Dayang Hajah Roswita binti Haji Matassan, Pekerja Tingkat III

Dayang Suzilawati binti Ismail, Pekerja Tingkat IV

Sinopsis :

Projek ini adalah salah satu inovasi perkhidmatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan penghayatan hidup beragama dilaksanakan terutama dalam ibadat sembahyang. Ianya juga dapat meningkatkan dan menambahbaik perkhidmatan ugama. Dan juga Da'wah bagi mengembangkan sinaran dakwah Islam. 'Uswatun Hasanah' adalah contoh terbaik yang boleh diusahakan di dalam membantu menzahirkan amalan peribadatan untuk mempermudah kaum muslimin melakukannya.

Objektif Projek :

- Mempertingkatkan Perkhidmatan Ugama di Negara ini
- Membantu memperbaiki perkhidmatan yang dibantukan di hospital agar lebih inovatif dan efektif
- Memberi nilai tambah
- Memberi khidmat bantuan / bimbingan sembahyang yang disesuaikan dengan tuntutan syariat dengan keadaan dan kemampuan pesakit.
- Memberi gagasan bahawa setiap penyakit ada cara sembahyang untuknya
- Mengubah paradigma perubatan bahawa sembahyang wajib dilaksanakan sekalipun dalam keadaan sakit.
- Mengenalkan pendekatan penyembuhan penyakit jasmani dengan ikhtiar membersihkan rohani.
- Mempertingkatkan kesedaran tentang kewajipan menunaikan sembahyang selagi mempunyai akal
- Membolehkan penyebaran dakwah dilaksanakan secara praktikal oleh orang-orang ugama.
- Negara zikir juga dapat direalisasikan dengan pengamalan sembahyang lima waktu tanpa henti sekalipun dalam keadaan sakit.

16. KUMPULAN TEAM 2G (GO GREEN)

Jabatan Mekanikal dan Elektrikal

Jabatan Kerja Raya

Kementerian Pembangunan

Tajuk Projek : “Reduce Energy Usage In Government Buildings ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2010 / Tarikh Dilaksanakan : Tahun 2011



Ahli-Ahli :

Dr Dayang Rohaniyati binti POKS DSP Haji Md Salleh, Pemangku Pengarah Mekanikal dan Elektrikal

Awang Shahrol bin Awang Haji Ahmad, Jurutera Kerja

Dayang Fazleena binti Haji Abdullah, Jurutera

Dayang Siti Hamdiah binti Awang Hamdan, Jurutera Elektrikal

Dayang Normalini Alaini binti Haji Rosli, Jurutera

Dayang Siti Nor Rafidah binti Haji Abdul Hamid, Jurutera

Dayang Kamsinah binti Kamis, Ketua Pembantu Teknik

Ampuan Noorhimmah Irawati binti Ampuan Ibrahim, Pengawas Tingkat I



Sinopsis :

Pada tahun 2009, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menyeru agensi-agensi Kerajaan untuk mula menggubal dasar dan mengemukakan langkah-langkah bagi mencapai matlamat penggunaan tenaga secara efisien dan mengelakkan pembaziran, dengan menekankan jumlah perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan ke atas bil elektrik yang mencecah \$68 juta setiap tahun (Borneo Bulletin, Julai 2009). Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga pada tahun 2011 telah menunjukkan bahawa bangunan-bangunan milik Kerajaan sahaja menyumbangkan kepada 22 peratus daripada keseluruhan tenaga yang digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Kumpulan *Green Building Initiatives* (GBI) Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Kerja Raya telah mengambil langkah-langkah penjimatan tenaga bagi memastikan bangunan kerajaan di negara ini bercirikan hijau (jimat tenaga) dari sudut rekabentuk, pembinaan dan seterusnya operasi bangunan.

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan utamanya untuk mengurangkan penggunaan tenaga yang berlebihan di bangunan-bangunan Kerajaan di samping mendidik pengguna-pengguna untuk mengelakkan pembaziran tenaga dan menggunakan tenaga dengan efisien. Hasil dari penjimatan tenaga ini juga dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan juga dapat meningkatkan ekonomi negara.

Hasil daripada audit tenaga yang dijalankan ke atas beberapa buah bangunan Kerajaan, beberapa punca utama yang menyumbang kepada penggunaan tenaga yang berlebihan dapat dikenal pasti. Kurangnya kesedaran dan sikap 'malas ku ingau' pengguna, keperluan yang tidak sewajarnya atau berlebihan oleh pemilik bangunan, penggunaan tenaga dengan tidak betul dan sistem mekanikal dan elektrik bangunan yang sudah usang dan tidak efisien adalah punca-punca utama yang dikenal pasti.

Sehubungan dengan itu, beberapa langkah penjimatan telah dilaksanakan iaitu melalui kaedah penjimatan tenaga tanpa melibatkan perlaksanaan kos (*no cost investment*), kaedah jangka sederhana (*mid-term investment*) dan jangka panjang (*long term investment*). Projek ini memberi tumpuan kepada perlaksanaan langkah-langkah tanpa melibatkan kos (*no cost investment*) yang mana telah menghasilkan penjimatan yang sangat ketara.

Hasilnya, projek ini telah berjaya menjimatkan sebanyak 5,179,415 kWh tenaga, bersamaan dengan \$517,941.50 bagi tempoh tiga tahun perlaksanaan bagi 6 buah bangunan Kerajaan. Ini juga melibatkan pengurangan pelepasan Karbon Dioksida (CO₂) sebanyak 3,625,590.5 kg dan sebanding dengan penjimatan sebanyak 3,180 tong minyak setara (*Barrel of Oil Equivalent - BOE*).

Objektif Projek :

Objektif utama bagi projek ini adalah untuk mengurangkan penggunaan tenaga di bangunan-bangunan Kerajaan. Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal telah mengambil inisiatif dan mengambil peranan '*lead by example*' dengan mengongsikan kejayaan dalam perlaksanaan projek perintis ini dan berharap agar agensi-agensi Kerajaan lain dan juga sektor awam akan sama-sama mempraktikkan penggunaan tenaga yang efisien dan mengelakkan pembaziran tenaga di bangunan-bangunan Kerajaan dan seterusnya mencapai sasaran negara.



17. KUMPULAN TCP REFORMERS

Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Kementerian Pembangunan

**Tajuk Projek : “ KAJIAN KEMAJUAN TANAH PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BAGI
MENINGKATKAN KEBERKESANAN PERANCANGAN ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : September 2014 / Tarikh Dilaksanakan : 1 Disember 2014



Ahli-Ahli :

Dayang Zahiah binti Haji Abd Samad, Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Dayang Hajah Nani Kartini binti Haji Abd Rahman, Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Awang Shahraine bin Haji Emran, Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Awang Haji Jeffridin bin Haji Abd Rahman, Pengendali Sistem Kanan
Dayang Marsita binti Omar, Pegawai Perancang dan Desa
Awang Haji Burhanuddin bin Haji Mohd Amin, Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Awang Haji Mohd Noh bin Haji Mohd Salleh, Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat I
Dayang Noraini binti Haji Ahmad, Pembantu Perancang Tingkat II

Sinopsis :

Projek Kajian Kemajuan Tanah Perniagaan dan Perusahaan bagi Meningkatkan Keberkesanan Perancangan telah dikendalikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) yang berfokus kepada kaji selidik ke atas 6,046 keping tanah-tanah persendirian bersyaratkan perniagaan dan perusahaan yang melibatkan kajian ke tapak-tapak berkenaan di seluruh negara. Kaji selidik dilaksanakan oleh seramai 94 orang Pegawai Kajian Sementara melalui peruntukan khas berjumlah \$116,550. Kajian bermula pada 01 Disember 2014 dan berakhir pada 31 Januari 2015.



Tujuan kajian adalah untuk memantapkan pangkalan data maklumat tanah-tanah persendirian syarat perniagaan dan perusahaan, dengan objektif untuk mengemaskini maklumat-maklumat mengenai tanah-tanah tersebut supaya lebih terkini, komprehensif dan teratur untuk membolehkan analisis dan keputusan-keputusan perancangan dibuat secara lebih berkesan ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Objektif kajian telah tercapai dengan penghasilan *enormous volumes of data* penting termasuklah jumlah keluasan ruang lantai perniagaan dan perusahaan, jumlah tanah dimajukan dan belum dimajukan, dimajukan dengan kebenaran atau sebaliknya, atau dimajukan untuk tujuan lain seperti kediaman. Hasil penemuan ini akan dijadikan asas yang lebih credible ke arah membuat *recommendations* terhadap penilaian semula dasar/peraturan yang berkenaan khususnya penukaran syarat khas tanah dan *threshold* bagi ruang lantai perniagaan dan perusahaan.

Di antara hasil utama kajian adalah pembentukan sistem berkomputer secara *in-house* yang boleh digunapakai untuk tujuan kemaskini data selanjutnya, penghasilan gambar-gambar ke semua tanah-tanah yang dikaji dan penghasilan peta-peta taburan *spatial* tanah-tanah kajian menggunakan *Geographic Information System* yang mula digunakan untuk analisis tukar syarat khas tanah.

Objektif Projek :

Projek Kajian Kemajuan Tanah Perniagaan dan Perusahaan bagi Meningkatkan Keberkesanan Perancangan yang diusahakan oleh kumpulan *TCP Reformers* dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) adalah bertujuan untuk memantapkan pangkalan data (*data base*) maklumat mengenai dengan tanah-tanah persendirian yang bersyaratkan perniagaan dan perusahaan untuk membolehkan analisis dan keputusan-keputusan perancangan dibuat secara lebih berkesan untuk meningkatkan keberkesanan perancangan guna-tanah, dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai khususnya pelanggan dalaman dan luaran dan para pemegang teras (*stakeholders*). Tanah-tanah persendirian yang dimaksudkan adalah tanah milik perseorangan (*private lands*).

Kajian ini terbit dari keperluan untuk menangani taburan tanah-tanah perniagaan dan perusahaan yang tidak menentu atau melata dan juga keperluan untuk menetapkan *threshold* kepada ruang lantai perniagaan dan perusahaan yang diandaikan telah melebihi keperluan. Namun maklumat-maklumat sedia ada di JPBD adalah tidak lengkap dan tidak dibuat secara teratur. Selaku agensi perancangan yang bertanggungjawab terhadap perancangan guna tanah negara dan Kawalan Kemajuan (*Development Control*), JPBD sentiasa berusaha untuk memperbaiki sumber maklumat sedia ada sebagai asas kepada mengusulkan sebarang perubahan ke arah memperkemaskini peraturan dan dasar sedia ada demi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Objektif kajian tersebut adalah untuk mengemaskini maklumat-maklumat berkenaan dengan kemajuan tanah-tanah persendirian yang mempunyai syarat perniagaan dan perusahaan di seluruh negara supaya lebih terkini (*updated*), teratur dan komprehensif untuk dijadikan panduan yang lebih *reliable and credible* dalam membuat analisis perancangan dan ketetapan dasar.



18. KUMPULAN PERINTIS HALUAN

Jabatan Ukur

Kementerian Pembangunan

**Tajuk Projek : “ MEMBUDAYAKAN KUMPULAN KERJA CEMERLANG KE ARAH PEMBAIKAN
BERTERUSAN DALAM PERKHIDAMATAN ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : September 2011 / Tarikh Dilaksanakan : Januari 2012 - Disember 2015



Ahli-Ahli :

Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim, Pemangku Juruukur Agung

Awang Arefin bin Haji Jaya, Penolong Juruukur Agung

Dr Hajah Mas Suriaia Wati binti Haji Ab Hamid, Penolong Juruukur Agung

Awang Abd Aziz bin Dato Paduka Haji Abdullah, Juruukur Kanan

Dayang Hajah Rusinah binti Awang Haji Tengah, Juruukur

Dayang Hajah Nona Lieza binti Haji Yahya, Juruukur

Dayang Rafidah binti Haji Berudin, Juruukur

Pengiran Masnah binti Pengiran Haji Ahmad, Juruukur

Sinopsis :

Pemantauan dan penyelesaian masalah dalam memperbaiki pengurusan dan perkhidmatan Jabatan Ukur melalui kaedah Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) adalah sangat diambil berat oleh pihak pengurusan Jabatan untuk dibudayakan oleh semua peringkat pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur.

Ini adalah bertujuan supaya setiap masalah yang dihadapi dapat ditangani secara bersama (*teamwork*) iaitu selaras dengan kehendak Perkhidmatan Awam. Dengan adanya penyelesaian masalah melalui kaedah KKC ini, Jabatan Ukur telah dapat meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih tinggi dalam Perkhidmatan Awam.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pelbagai cabaran dan dugaan dialami oleh Jabatan, apatah lagi kita seringkali mendengar aduan-aduan daripada pelanggan khususnya mereka yang terdiri daripada sektor swasta mengenai dengan penyampaian perkhidmatan yang tidak memuaskan. Pihak Jabatan mestilah memahami keluhan mereka dan juga mesti menyedari bahawa sektor swasta adalah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi negara dan ianya hanya akan dicapai dengan pemberian perkhidmatan yang efisien, berkesan dan cemerlang.

Oleh yang demikian mempraktikkan Kumpulan Kerja Cemerlang sebagai budaya kerja di dalam melaksanakan kerja-kerja harian untuk menangani masalah seperti penyampaian proses perkhidmatan pelanggan yang tidak memuaskan dan sejajar dengan strategik objektif Jabatan yang dimaksudkan adalah amat penting.

Objektif Projek :

- Menerapkan pembaikan berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti dan sebagai kaedah bagi pembaikan berterusan.
- Mengurangkan kos perbelanjaan.
- Memperbaiki dan mempercepatkan proses-proses dalam prosedur kerja.
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan Jabatan yang sedia ada.
- Bergerak cergas ke arah kecemerlangan.



19. KUMPULAN MUTIARA

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**Tajuk Projek : “ PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN MIKROBIOLOGI BAGI MENGUKUHKAN
PROGRAM KESELAMATAN MAKANAN HASIL TERNAKAN ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 1 November 2004 / Tarikh Dilaksanakan : 1 Ogos 2011



Ahli-Ahli :

Dayang Hajah Aidah Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
Dayang Hajah Khartini Haji Musa, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
Dr. Diana Dennis, Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan
Awang Abuzar bin Haji Mohd Tahir, Pegawai Pertanian Kanan
Awang Saidin bin Namit, Pegawai Pertanian Kanan
Dayang Hajah Suria binti Zanuddin, Pegawai Pertanian Kanan
Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abd Hamid, Pegawai Pertanian Kanan
Awang Mulyadi bin Haji Mohd Ali , Pegawai Pertanian Kanan
Dayang Hajah Rokiah binti Haji Omar, Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan
Awang Maidin bin Haji Md Salleh Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan
Dayang Rosnah binti Jolihi, Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan
Awang Mohd Azizi bin Mahali, Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan
Dayang Nur Adibah bin Sidup, Ketua Jututeknik Makmal

Dayang Norazirawandi binti Haji Ismail, Ketua Juruteknik Makmal
Dayang Surina binti Abu Bakar, Ketua Juruteknik Makmal
Dayang Suriani binti Chandi, Pembantu Pertanian
Dayang Hajah Sufiana binti Haji Metusin, Jurulatih / Penjaga

Sinopsis :

Di Negara Brunei Darussalam, Makmal Mikrobiologi di bawah Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV) memainkan peranan yang penting dalam mendukung program pemeriksaan makanan dari hasil ternakan serta program pemantauan kebersihan ladang ternakan dan pusat / loji penyembelihan. Ini bertujuan bagi memastikan produk hasil ternakan adalah berkualiti dan selamat untuk dimakan sebelum diedarkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Sehingga kini, makmal ini telah menawarkan sebanyak dua puluh (20) jenis ujian mikrobiologi kepada para pelanggannya. Ujian-ujian ini bermaksud untuk memenuhi kriteria global keselamatan makanan bagi membuka ruang penghasilan produk yang bermutu dan diyakini serta pemprosesan produk yang bersumberkan dari ternakan.

Menyedari akan kepentingan ini, pelbagai usaha telah dilakukan bagi perkembangan dan kesinambungan perkhidmatan Makmal Mikrobiologi. Antaranya, menambah lagi jumlah ujian penganalisaan, menjadi Makmal Rujukan Kebangsaan Salmonella dan Makmal Rujukan Berkembar dalam bidang mikrobiologi, memperluaskan lagi kolaborasi dengan makmal-makmal luar negara dalam bidang penyelidikan serta merangka pelan kualiti untuk kemampunan projek ini.

Objektif Projek :

- Menawarkan khidmat penganalisaan / ujian mikrobiologi yang menepati kriteria keselamatan makanan dan *standard* global makanan dari hasil ternakan sebelum diedarkan ke pasaran.
- Meningkatkan jenis-jenis ujian mikrobiologi yang merangkumi semua aspek keselamatan makanan bagi makanan hasil ternakan.
- Mengemaskini teknologi dan prosedur Makmal Mikrobiologi mengikut keperluan semasa.
- Berusaha untuk mencapai *standard* keupayaan teknikal makmal setanding dengan negara-negara maju.
- Mendukung program-program kawalselia Jabatan dan Kementerian bagi menjamin kualiti makanan hasil ternakan keluaran tempatan dan yang diimport / dieksport.

20. KUMPULAN 3R REALISM RESSURANCE RESOLVE

Jabatan Perkhidmatan Pos

Kementerian Perhubungan

Tajuk Projek: “ PERKEMBANGAN JABATAN BERDASARKAN SISTEM PENGURUSAN STRATEGIK YANG MANTAP DAN BERKESAN ”

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Ogos 2012 / Tarikh Dilaksanakan : Julai 2013



Ahli-Ahli :

Awang Haji Mohammad Manan bin Haji Lakim, Ketua Pos Agung

Awang Haji Bolhassan bin Haji Bulat, Penolong Ketua Pos Agung

Dayang Mauludnah binti Haji Mohamad Nudin, Pengawal Pos

Sinopsis :

Projek ini mula diperkenalkan dan seterusnya dilaksanakan pada tahun 2013 atas inisiatif Jabatan untuk mensejajarkan dan melaksanakan strategik objektif Kementerian Perhubungan 2008 – 2017 ke arah perkembangan penjanaaan perniagaan (*Business Regeneration*). Matlamat projek adalah ke arah memastikan keberkesanan pencapaian Jabatan dalam penggunaan Sistem Pengurusan Strategik untuk menghasilkan pelan tindakan atau program kompetitif yang dapat memudahkan pelanggan dan meningkatkan prestasi kewangan, iaitu sejajar dengan aspirasi Jabatan iaitu merapatkan jurang defisit. Bukan itu sahaja, projek ini juga memberikan penekanan proses penyediaan penyampaian perkhidmatan yang lebih



kepada *strategy-focused* termasuk dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan (*customer orientation*).

Sistem Pengurusan Strategik (SMS) adalah mekanisma yang digunakan untuk mengenalpasti strategi perkhidmatan pos supaya mencapai prestasi yang lebih baik dan sistem pengurusan yang mantap. Melalui kaedah ini Jabatan berjaya mengenalpasti 3 strategi utama iaitu Strategi Pertama: KEWANGAN, kemampunan kewangan pos seperti dalam pelan tindakan iaitu mengadakan *International Express Money Order (IEMO)*, pembayaran atas talian (PayPal, Credit/Debit Card). Strategi Kedua: FIZIKAL, iaitu menyediakan pelbagai perkhidmatan pos untuk mengekalkan pos masih relevan, seperti dalam pelan tindakan iaitu mengadakan perkhidmatan penghantaran Logistik & Pergudangan (*Fulfillment*). Strategi Ketiga : ICT, iaitu menyediakan rancangan tindakan bagi memberikan khidmat kemudahan penghantaran dan pembelian atas talian bagi peniaga-peniaga SME melalui saluran perkhidmatan perdagangan elektronik (*E-Commerce*).

Antara pencapaian yang ketara diperolehi daripada pelaksanaan projek ini adalah :

- Membukukan Pelan Strategik Perkhidmatan Pos 2013 – 2016
- Mewujudkan urustadbir korporat yang baik
- Mengamalkan *Cost Benefit Analysis* dalam penilaian sesuatu projek
- Mewujudkan sistem pemantauan pencapaian strategi, *KPI Dashboard*

Objektif Projek :

Objektif projek ini adalah untuk memastikan keberkesanan perkembangan dan pencapaian Jabatan dalam penggunaan Sistem Pengurusan Strategik (SMS) yang mantap supaya dapat menghasilkan pelan tindakan atau program ke arah penjimatan kos perbelanjaan dan peningkatan pendapatan hasil serta sejajar dengan keperluan pelanggan yang sentiasa berubah.

Projek ini juga memberikan penekanan ke arah proses penyediaan penyampaian perkhidmatan yang lebih menumpukan kepada strategi (*strategy-focused*), iaitu sejajar dengan visi Jabatan, iaitu “Kita bergerak untuk menjadi pilihan utama masyarakat”. *Strategy-focused* mengutamakan tindakan daripada pengurusan bawahan kerana sumbangan mereka memberikan kesan yang ketara dalam perkembangan hasil pendapatan dan *value for money*.

21. KUMPULAN penBORNEO

Jabatan Pusat Sejarah Brunei

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tajuk Projek : “ penBORNEO KE ARAH MENINGKATKAN SUMBER RUJUKAN
PERSEJARAHAAN NEGARA ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : Tahun 2012 / Tarikh Dilaksanakan : 31 Januari 2013



Ahli-Ahli :

Dayang Mardiah binti Haji Ramli, Pegawai Sejarah

Awang Haji Abdul Motalip bin Haji Momin, Pegawai Sejarah

Awang Muhammad Hefni bin Mahari, Pegawai Pemeliharaan

Dayang Hajah Rozaih binti Haji Ladi, Penolong Pegawai Sejarah Tingkat II

Pengiran Ibnu bin Pengiran Haji Zulaihi, Penolong Pegawai Tingkat II

Sinopsis :

Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengorak langkah setapak lagi dengan menubuhkan Pusat Pengkajian Borneo atau penBORNEO selaras dengan dasar tujuan penubuhan PSB yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya persejaraan Negara Brunei Darussalam itu dapat diselidiki, dikaji, dikumpul, diterbitkan dan dipamerkan agar dapat menjadi informasi dan dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk negara ini.



Ditubuhkan pada tahun 2013 sebagai salah satu usaha PSB ke arah pembaharuan dan penambahbaikan struktur organisasi dan pengurusan jabatan. Cadangan penubuhan Pusat Pengkajian Borneo ini adalah selaras dengan perancangan strategi PSB ke arah merealisasikan visi PSB sebagai pusat sumber rujukan dan pengkajian persejarahan Negara Brunei Darussalam.

Dengan tertubuhnya Pusat Pengkajian Borneo ini secara tidak langsung akan dapat menjadikan PSB khususnya dan Brunei pada umumnya sebagai destinasi pilihan utama bagi para akademik, penyelidik dan pelajar dalam dan luar negara dalam membuat rujukan dan pengkajian mengenai Borneo dan Brunei.

Inisiatif penubuhan Pusat Pengkajian Borneo ini juga selaras dengan peranan teras atau *core functions* Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu kebudayaan (dari segi memelihara dan menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang) yang secara langsung dan tidak langsung mendukung ke arah untuk mencapai dan menepati hasrat Wawasan Negara 2035 untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berpendidikan tinggi dan berpengetahuan luas.

Objektif Projek :

- Menjadikan PSB sebagai 'pusat Borneo' dalam bidang sumber rujukan dan pengkajian mengenai sejarah Borneo.
- Meluaskan lagi pasaran bahan-bahan terbitan PSB ke negeri-negeri di Borneo.
- Menjadikan PSB sebagai destinasi pilihan utama bagi para akademik, penyelidik, pelajar dan orang ramai yang berhasrat untuk melakukan pengkajian mengenai Borneo.
- Mewujudkan kerjasama penyelidikan dan pengumpulan sumber dan pengkajian Borneo dengan para penyelidik tempatan dari dalam dan luar negara.
- Memelihara dan menyelamatkan sejarah dan warisan Brunei di Borneo daripada hilang begitu saja.
- *penBORNEO* ditubuhkan adalah selaras dengan dasar tujuan penubuhan PSB yang diperkenankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya persejarahan Negara Brunei Darussalam itu dapat diselidiki, dikaji, dikumpul, diterbitkan dan dipamerkan agar dapat menjadi informasi dan dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk negara ini.
- *penBORNEO* juga ditubuhkan selaras dengan peranan teras atau *core functions* Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu kebudayaan (dari segi memelihara dan menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang).
- Bagi mendukung secara langsung dan tidak langsung ke arah untuk mencapai dan menepati hasrat Wawasan Negara 2035 untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berpendidikan tinggi dan berpengetahuan luas.

22. KUMPULAN eSPRAnA

Jabatan Teknologi Penjagaan Maklumat
Kementerian Kesihatan

**Tajuk Projek: “ SISTEM PENGHANTARAN PESAKIT BAGI RAWATAN / RAWATAN
ULANGAN (REVIEW) ”**

Kategori: Kertas Projek

Tarikh Diperkenalkan : 8 Disember 2015 / Tarikh Dilaksanakan : 10 Februari 2016



Ahli-Ahli :

Awang Abidin bin Haji Othman, Pemangku Pengarah
Dayang Nur Atiqah binti Haji Abd Latip, Jurutera Perubatan Hayat
Dayang Hazrina @Amaliana binti Suhaili, Penyelia Sistem
Dayang Massharyanti binti Haji Hussin, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Dayang Fatin Sariyah binti Zuferizin, Pekerja Tingkat III

Sinopsis :

Menjurus kepada salah satu kalster Kementerian Kesihatan iaitu penyampaian perkhidmatan dalam menekankan kepentingan memberi tumpuan kepada tanggungjawab teras; dan keperluan bagi Kementerian untuk lebih proaktif dengan menggunakan maklumat dan data kesihatan dalam merangka dasar. Kementerian ini sentiasa memantau prestasi melalui pengurusan data yang sesuai dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti iaitu; selamat (*safe*), tepat pada masanya (*timely*), efisien, efektif, saksama (*equitable*) dan Peka pelanggan (*patient-centric*).



Jabatan Teknologi Penjagaan Kesihatan telah mewujudkan sistem penghantaran pesakit yang dapat di akses secara *online* melalui rangkaian *One Government Network* (OGN). Dengan tersedianya sistem yang dapat akses di mana-mana, memudahkan para doktor atau pakar memohon dan pihak pengurusan atasan mempertimbangkan, menyokong dan membenarkan permohonan. Kaedah pembaharuan ini, amat mudah dan dapat meningkatkan efisiensi perkhidmatan kepada pelanggan (pesakit) dan dapat mengurangkan masa menunggu untuk mendapatkan sokongan dan kebenaran.

Jabatan Teknologi Penjagaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan berperanan dalam memastikan penggunaan teknologi kesihatan dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan (pesakit) bagi mencapai tahap perkhidmatan yang cemerlang. Pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di hospital-hospital Kerajaan merupakan keutamaan Kementerian Kesihatan dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah selamat, efisien dan efektif. Sesetengah pesakit akan memerlukan rawatan di institusi atau hospital bukan Kerajaan dalam mahupun luar negara jika perkhidmatan bagi merawat pesakit tersebut amat terhad di hospital Kerajaan atau pun rawatan-rawatan yang mempunyai komplikasi. Bagi pesakit yang memerlukan perkhidmatan di luar hospital Kerajaan, kos penghantaran dan rawatan pesakit tersebut ke institusi atau hospital bukan Kerajaan atau di luar negara dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan.

Objektif Projek :

- Mengemaskini proses kerja bagi permohonan penghantaran pesakit
- Menyediakan sistem *online* yang dapat di akses di mana saja melalui rangkaian OGN
- Mengurangkan dan menjimatkan masa bagi proses sokongan dan kebenaran permohonan
- Memudahkan para doktor atau pakar dan pihak pengurusan atasan untuk memohon, menyokong, membenarkan permohonan dan seterusnya mengetahui status permohonan.
- Projek ini juga adalah untuk menambah akauntabiliti para doktor dan pihak pengurusan dalam memastikan proses permohonan penghantaran pesakit berjalan lancar, telus dan efisien.



1) BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Pejabat Peguam Negara

Jabatan Perdana Menteri

**Tajuk Cadangan : “ Kerangka Pengurusan Bakat Yang Bersistematik
Di Pejabat Peguam Negara ”**

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Pengiran Khairul Hisham bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan
Awang Sheirol bin Haji Mohd Heldy, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Dayang Suhana binti Hamdan, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I

Sinopsis :

Dalam usaha untuk merealisasikan visi Pejabat Peguam Negara (PPN) iaitu untuk memberikan perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi, penyelidikan dan penelitian telah dibuat dan mendapati antara kelemahan yang ketara ialah ketiadaan rangka kerja pengurusan sumber tenaga manusia yang bersistematik. Kelemahan ini juga dikenalpasti antara punca kepada masalah kadar keciciran yang tinggi di PPN. Usaha-usaha penambahbaikan pengurusan sumber tenaga manusia disedari hendaklah menumpukan kepada aspek-aspek pembangunan pegawai-pegawai perundangan sebagai aset kepada PPN yang melihat secara menyeluruh.

Ke arah itu, strategi pengurusan bakat PPN mengambil pendekatan yang holistik dan bersistematik dengan menyelaraskan visi, misi dan nilai-nilainya serta rancangan strategiknya dengan program-program sumber tenaga manusia. Program-program ini membentuk Kerangka Pengurusan Bakat PPN yang meliputi tujuh komponen utama iaitu Pengambilan dan Pemilihan, Pengurusan Prestasi, Pembelajaran dan Perkembangan, Perkembangan Kerjaya, Rancangan Penggantian, Penglibatan dan Pembudayaan serta Pengawasan Disiplin.

Dalam penyediaan dan pelaksanaan Kerangka Pengurusan Bakat ini, beberapa cabaran utama telah dikenalpasti, iaitu kekurangan kepakaran yang khusus dalam bidang pengurusan sumber tenaga manusia yang dapat membantu merangka dan melaksanakannya, tempoh masa yang terhad mengambilkira akan masalah yang dihadapi yang memerlukan tindak balas yang cepat dan kefahaman pihak-pihak yang berkepentingan yang terlibat secara langsung dalam usaha-usaha ini yang masih ditahap yang rendah yang boleh melambatkan lagi pelaksanaannya. Kerangka Pengurusan Bakat ini boleh dilaksanakan dan diadaptasikan di kesemua agensi-agensi Kerajaan yang lain dan digunapakai sebagai panduan ke arah merangka sistem pengurusan bakat mereka tersendiri.

Objektif Cadangan :

Objektif utama cadangan pelaksanaan pengurusan bakat yang bersistematik di PPN adalah seperti berikut : -

- i. Memastikan sumber tenaga manusia di PPN mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang-bidang perundangan tertentu sepertimana yang diperlukan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii. Membina dan membangunkan kapasiti dan keupayaan PPN dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh cekap dan berkesan.
- iii. Memastikan PPN akan berterusan berupaya memberikan sumbangan yang signifikan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

2) KUMPULAN PENA JMK
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Tajuk Cadangan : “Zakat Membawa Berkat”
Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Awang Haji Yakob bin Haji Metali, Pengurus Penerbitan Fatwa
Dayang Siti Alawiyah binti Mohammad Zainol, Ketua Penyemak Penerbitan Fatwa
Awang Haji Ibrahim bin Haji Sapar, Penyemak Kanan Penerbitan Fatwa

Sinopsis :

Zakat Membawa Berkat adalah satu tajuk yang dipilih untuk mengetengahkan langkah-langkah pembaikan perkhidmatan pungutan zakat di Negara Brunei Darussalam dan dalam waktu yang sama ia juga merupakan satu usaha menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan mengeluarkan zakat. Ianya dihasratkan membantu Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk lebih kehadapan dalam mengendalikan urusan-urusan pemungutan zakat, tanpa perlu penambahan pegawai dan kakitangan yang ramai tetapi hasilnya akan dapat dilihat dengan meningkatnya hasil kutipan zakat disebabkan bertambahnya pembayar zakat.

Kertas cadangan ini hanya memfokuskan kepada zakat harta sahaja dari segi bagaimana hendak menyedarkan masyarakat tentang kewajipan berzakat dan mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan pemungutan zakat ke tahap yang mudah.

Langkah awal ialah dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kewajipan mengeluarkan zakat yang merupakan rukun Islam ketiga. Kaedah pelaksanaannya ialah melalui penerbitan *leaflet*, jerayawara, penulisan di media cetak, melalui gajet, penerbitan rancangan melalui Radio Televisyen Brunei dan menerusi Khutbah-Khutbah Jumaat. Usaha-usaha sedemikian bukan hanya dibuat sekali jurus sahaja malahan akan dibuat secara berterusan dan terancang.

Langkah seterusnya ialah dengan memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membayar zakat dan disusuli dengan menguatkuasakan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, pindaan 1984. Kemudahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- Mewujudkan kaunter membayar zakat di pusat-pusat membeli belah
- Mewujudkan kaunter bergerak
- Memperkasakan lagi peranan amil yang dilantik
- Menyediakan kaunter zakat di institusi kewangan Islam
- Mempelbagaikan kaedah pembayaran zakat

Objektif Cadangan :

- Memberi jalan yang semudah-mudahnya kepada masyarakat Islam membayar atau menyerahkan wang zakat yang menjadi kewajipan
- Membantu Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk lebih ke hadapan dalam mengendalikan urusan-urusan pemungutan zakat.
- Mewujudkan lebih banyak pusat kutipan zakat.
- Mengembangkan bakat dan potensi penerima zakat.
- Mewujudkan e-zakat atau zakat *online*.

3) KUMPULAN PENA JMK

Jabatan Mufti Kerajaan

Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Cadangan : “Langkah Ke Arah Kecemerlangan”

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli:

Awang Haji Yakob bin Haji Metali, Pengurus Penerbitan Fatwa

Dayang Siti Alawiyah binti Mohammad Zainol, Ketua Penyemak Penerbitan Fatwa

Awang Haji Ibrahim bin Haji Sapar, Penyemak Kanan Penerbitan Fatwa

Sinopsis :

Langkah Ke Arah Kecemerlangan adalah satu tajuk yang dipilih untuk sama-sama memberi pandangan dan buah fikiran sebagai usaha untuk meningkatkan dan memperbaiki lagi perkhidmatan awam di negara ini. Di dalamnya dilakarkan beberapa pandangan dan cadangan yang perlu diambil sebagai langkah mengusai, mencari penyelesaian dan memperbaiki mutu perkhidmatan awam yang tidak banyak melibatkan kos jika dilaksanakan.

Langkah Ke Arah Kecemerlangan mengajak kita semua bergerak ke hadapan dengan harapan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih baik lagi sebagaimana cadangan berikut :



- Mengadakan perjumpaan semua staf di awal tahun dengan Ketua Pejabat.
- Membuat *presentation* tentang kerja yang dilaksanakan di bahagian masing-masing, kemudian akan dikomen dan dinilai oleh bahagian-bahagian lain dengan tujuan untuk diperbaiki.
- Mengadakan mesyuarat bulanan Ketua-Ketua Bahagian.
- Memperbaiki perkhidmatan kaunter
- Melaksanakan tugas terutama yang melibatkan temujanji dengan lebih cekap.

Objektif Cadangan :

- Membawa dan menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang dalam beberapa bidang.
- Memperbaiki mutu perkhidmatan kepada masyarakat dengan merungkai dan mengusai dalaman institusi kemudian akan disusuli dengan memperbaiki perkhidmatan yang diberikan dalam berbagai sudut.



4) Jabatan Elektrik

Jabatan Perdana Menteri

Tajuk Cadangan : “DES kWh Mobile Apps (DKMA)”

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Wan Harris Zaky bin Haji Ibrahim, Penganalisa Sistem Kanan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Sinopsis :

Utiliti merupakan salah satu cabaran yang dihadapi di seluruh dunia masa kini dan sebagai pengguna, mereka mengharapkan agar segala kemudahan utiliti yang bersangkutan dengan keperluan harian akan dapat dinikmati sama ada di rumah mahupun di pejabat.

Pengguna sudah setentunya mengharapkan kewujudan sistem tenaga elektrik dapat memberikan perkhidmatan yang berpanjangan bagi keperluan harian mereka dan tidak hairanlah jika terdapat segelintir pengguna merungut bila bekalan elektrik tersebut terputus lebih-lebih lagi dalam jangka waktu yang panjang. Dengan wujudnya sistem meter pintar (SMART Metering), pihak industri utiliti yang bersangkutan dengan penjaan dan pengagihan bekalan elektrik di abad Ke-21 akan dapat memainkan peranan masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang lebih canggih agar para pengguna bijak dalam mengatur penggunaan tenaga elektrik. Dengan kaedah sistem meter pintar, pengguna akan dapat mengawal penggunaannya dan mengurus sendiri cara pemakaian ke arah penggunaan tenaga yang berpatutan. Sistem meter pintar ini juga mampu menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti caj penggunaan tariff yang berbeza dalam masa sehari mengikut susunan yang disediakan (seperti tariff waktu pagi, petang dan malam) dan perkhidmatan prabayar. Dalam iklim perniagaan masa ini, organisasi seperti Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) perlu kekal

berdaya saing dalam memberikan perkhidmatan yang lebih inovatif dengan menggunakan kaedah teknologi yang canggih terutama dalam memaksimumkan sumber-sumber yang sedia ada. Tenaga elektrik yang sememangnya keperluan asas dan penting dalam kehidupan kita seharian memberikan cabaran kepada JPE dalam usaha mengendalikan perkhidmatan elektrik ke arah menjana ekonomi yang lebih efektif dan berkesan.

Kaedah sistem meter pintar, dengan rangkaian komunikasi yang berkesan dan berdaya tahan diharap akan dapat membawa perubahan kepada JPE dalam model perniagaan dari pusat penyelia dan komoditi perkhidmatan elektrik kepada pusat maklumat perniagaan di samping mewujudkan integrasi bagi pengguna dalam bentuk kemanfaatan dan menangani kemampuan tenaga. Untuk merealisasikan rancangan ini, JPE berhasrat untuk bekerjasama dengan Data Stream Technology Sdn. Bhd. (DST) melalui anak syarikatnya DST Incomm berlandaskan konsep PPP (Public Private Partnership). Sebagai salah satu syarikat swasta yang terkemuka di Negara ini dan salah satu perintis dalam bidang telekomunikasi, DST menegaskan komitmen mereka yang berterusan dalam memberikan perkhidmatan dan produk yang terbaik bagi para pelanggan mereka di seluruh Negara (DST, 2016). Tambahan pula, dengan kewujudan DST selama lebih 20 tahun berjaya membawa kemajuan dengan potensi baru dan kepelbagaian dalam teknologi di Brunei Darussalam. Sebagai contoh, DST telah berjaya melancarkan sistem “Higher Education Centralised Admission System” (HECAS) hasil kerjasama mereka dengan Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam pada tahun 2009 bagi memudahkan para pelajar di Negara ini untuk memohon bagi melanjutkan pelajaran melalui HECAS.

Adalah menjadi harapan dengan model yang dicadangkan ini serta dengan wujudnya usahasama antara JPE dengan DST akan dapat membantu meningkatkan lagi ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan meneroka pelbagai modaliti seperti usahasama sektor awam dan swasta (PPP) dalam membina infrastruktur sistem meter pintar ke arah menjana ekonomi yang lebih kukuh dan efektif sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Objektif Cadangan :

Antara objektif utama rancangan sistem meter pintar ini termasuklah :

- Penggunaan teknologi komunikasi “*Smart Grid*” untuk memudahkan lagi pengumpulan maklumat bagi pembekal dan pengguna.
- Pengurusan data melalui “*Smart Meter Data Management System*” dapat membantu meningkatkan kecekapan dari segi operasi dan bisnes dalam menghasilkan maklumat yang diperlukan.
- Membolehkan pelaksanaan sistem meter pintar berskala besar dan secara tidak langsung meningkatkan mutu perkhidmatan ke arah yang lebih efektif, juga memberikan manfaat kepada pengguna dari segi pemakaian di samping kos operasi yang rendah dan penggunaan tenaga yang lebih mampan.
- Kaedah sistem meter pintar ini dapat menyediakan analisa data yang diperlukan oleh pengguna dengan mengaksesnya melalui portal Pengurusan Perhubungan Pelanggan (*Customer Relationship Management*) dan sistem *Back-End* JPE dengan pengurusan sistem bil yang lebih fleksibel.



5) Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan DST INCOMM Sendirian Berhad
Tajuk Cadangan : "SMART METERING (SM)"
Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Wan Harris Zaky bin Haji Ibrahim, Penganalisa Sistem Kanan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Dayang Juliana Sim Bee Leng, General Manager, DST INCOMM Sdn. Bhd.
Awang Muhammad Noh bin Koya, Senior Manager, DST INCOMM Sdn. Bhd.

Sinopsis :

Dengan kemunculan telefon pintar, e-Kerajaan Brunei semakin maju melangkah ke dalam abad ke-21. Sempadannya tidak lagi terhad dalam lokasi geografi sahaja. Kemunculan aplikasi mudah alih sebagai medium pengguna dan profil meningkat dalam kehidupan sehari-hari. Untuk mewujudkan peluang perniagaan Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES) telah mengenal pasti dan melaksanakan kaedah yang baru untuk pemasaran dan jualan perkhidmatan mereka. Kertas ini akan membentangkan detail yang agak komprehensif tentang bagaimana perniagaan DES dikendalikan dengan berkesan melalui bantuan aplikasi mudah alih. Ia boleh menyediakan penyelesaian untuk meningkatkan prestasi bidang perniagaan utama mereka menggunakan alat-alat yang dengan mudah diuji dan disahkan untuk Pulangan atas Pelaburan *Return on Investment* (ROI) mereka.

DES kWh Mobile Apps (DKMA) akan menjadi aplikasi mudah alih untuk kedua-dua *platform* iOS dan Android, di mana ia mempunyai ciri-ciri berikut : prabayar, pascabayar, laporan dan lain-lain.

Melalui aplikasi ini, pelanggan boleh memantau penggunaan elektrik isi rumah mereka. membeli token prabayar, membayar bil elektrik dalam talian di mana-mana sahaja, bila-bila masa menggunakan mana-mana alat peranti. Pelanggan juga boleh melihat penggunaan elektrik, kos dan simpanan dikira dan akan dipaparkan untuk memudahkan melihat graf. DES percaya DKMA adalah landskap yang membuka peluang kepada pelanggannya.

Atas sebab ini, DES melihat potensi yang besar dalam memberi tumpuan dan pembangunan aplikasi mudah alih yang diharap mampu memperolehi keberkesanan dari segi kos, mudah digunakan dan melaksanakan penyelesaian melalui talian web. Matlamat utamanya bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, tetapi juga menawarkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pelanggan yang sedia ada dan berpotensi di seluruh negara, di samping menggunakan sebaik mungkin belanjawan yang telah diperuntukkan. DES juga menyasarkan untuk mengurangkan secepatnya jumlah bayaran tunggakan yang tinggi bagi sektor komersial dan kediaman. Kerana lebih banyak pelanggan DES menggunakan DKMA, DES perlu meneroka bagaimana aplikasi mudah alih yang baru yang dikenali sebagai 'DES kWh' ini boleh memberi manfaat kepada mereka.

Objektif Cadangan :

- DES berhasrat untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggannya dengan menambah lebih banyak saluran melalui aplikasi mudah alih. Aplikasi mudah alih akan memberikan satu lagi mercu tanda penting bagi pencapaian DES dalam menyediakan kemudahan kepada pelanggannya.
- DES ingin mencadangkan aplikasi mudah alih yang dipanggil DES kWh untuk pelanggannya di mana ia meliputi pelanggan prabayar dan pascabayar yang sedia ada, permohonan pendaftaran meter pelanggan baru, pengiraan meter tarif (4 blok), penggunaan bacaan meter, salinan slip pembayaran, pengemukakan aduan elektrik, maklumat garis panduan yang berguna seperti maklumat tarif, lokasi cawangan-cawangan dan banyak lagi.
- Tujuan DKMA diadakan ialah untuk membuat aplikasi yang berguna yang memberikan kemudahan dan memudahkan pelanggan dalam berurusan dengan perkhidmatan DES. Melalui aplikasi ini, pelanggan boleh melihat penggunaan elektrik isi rumah mereka, membeli token prabayar, membayar bil elektrik dalam talian di mana-mana sahaja, bila-bila masa pada mana-mana alat peranti. Pelanggan juga boleh melihat penggunaan elektrik, kos dan simpanan dikira dan dipaparkan untuk memudahkan melihat graf.
- Malah, ia bertujuan menjadi kayu ukur peningkatan kepada jabatan khususnya DES dalam perjalanan menuju transformasi ke arah Wawasan Brunei 2035 didorong oleh Strategi Kerajaan Digital Negara Brunei Darussalam 2015-2020. (www.digitalstrategy.gov.bn).

6) KUMPULAN PROGRESIF

Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia
Kementerian Pertahanan

Tajuk Cadangan : “ Sistem Pengurusan Kemajuan Kerja (Work Advancement Management System) Kementerian Pertahanan “

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Awang Ridzuan bin Haji Ahmad, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas

Awang Mohd Zakaria bin Dato Seri Setia Haji Abd Hamid, Pegawai Tugas-Tugas Khas
Tingkat I

Dayang Munirah Hayati binti Haji Hanipah, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I

Awang Masdey bin Haji Masri, Jurutera Gred 4

Sinopsis :

Pengurusan ke atas projek termasuk dokumen / maklumat / data merupakan aspek penting dalam memastikan kesempurnaan perlaksanaan pembinaan dan kemajuan projek dijalankan dengan teratur dan sempurna yang kemudiannya boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi kerja-kerja penyelidikan dan rancangan perkembangan. Ianya juga akan dapat memastikan kerja-kerja peningkatan dan penambahbaikan boleh dirancang dengan lebih mudah pada masa hadapan.

Untuk memastikan pengendalian serta pengurusan projek termasuk dokumen / maklumat / data ditadbir dengan teratur dan bersistematik, Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan telah mengambil inisiatif dengan mencadangkan bagi pembinaan satu sistem yang digelar sebagai *Work Advancement Management System* (Sistem Pengurusan Kemajuan Kerja). Sistem ini akan dibina untuk mengendalikan dan mengurus projek-projek termasuklah Penilaian Prestasi Kerja Kementerian Pertahanan, Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA).

Sistem ini juga akan dapat memastikan kejelasan (*clarity*) dan ketulusan (*sincerity*) dalam membuat penilaian ke atas prestasi berdasarkan kepada bukti-bukti yang direkodkan. Ianya dapat membantu pihak pengurusan atasan bagi mendapatkan tahap pencapaian yang lebih jelas mengenai prestasi Jabatanarah / Bahagian / Unit atau individu. Dalam pada masa yang sama, penglibatan pegawai dan kakitangan yang berbakat dan berpotensi dapat dikenalpasti dan seterusnya dapat menjadi pengukur bagi menyokong perancangan kerjaya serta pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang mencapai prestasi cemerlang (*top performers*). Sistem ini juga dihasrat akan dapat menjadi platform untuk memupuk budaya kerja bagi mencapai prestasi kerja yang tinggi (*high performance culture*) dan secara langsung dapat menggalakkan / menanamkan sifat-sifat positif di tempat kerja.

Objektif Cadangan :

- Menjadi pangkalan data (*database*) bagi ke semua projek-projek yang didaftarkan ke dalam sistem.
- Mengendalikan serta menguruskan projek termasuk penyimpanan (*storing*), pemantauan (*monitoring*), pengumpulan (*collecting*) dan mendapatkan semula maklumat dan data (*retrieving of information and data*) daripada projek yang dilaksanakan secara *online*.
- Bagi memudahkan pemantauan dan pengurusan ke atas projek termasuk mengawal kemasukan atau akses bagi pengurusan atasan, ketua kumpulan dan ahli-ahli yang terlibat dalam pelaksanaan projek yang dilaksanakan.
- Bagi memudahkan pihak pengurusan atasan menjana laporan untuk tujuan penelitian dan membuat penilaian secara *online*.
- Bagi memudahkan ketua dan ahli-ahli dalam kumpulan mengurus, menyemak dan mengemaskini projek serta meningkatkan komunikasi, pertukaran dan perkongsian idea, maklumat dan cadangan dalam bentuk teks atau imej di dalam lokasi yang berbeza.
- Bagi memudahkan membuat permohonan latihan-latihan yang bersesuaian dengan keperluan bagi pembangunan, pembaikan dan kemajuan projek yang dilaksanakan.

7) Jabatan Bomba dan Penyelamat

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Tajuk Cadangan : “ Perlunya Alat Pemadam Api Secara Pakel Di Rumah Dan Kenderaan Baru ”

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Awang Muhamad Ali bin Hassan, Pegawai Balai

Sinopsis :

Kebakaran sering berlaku di mana-mana dan bila-bila masa sahaja sama ada di tempat kediaman, kenderaan sama ada di laut, darat atau udara tanpa memilih sesiapa dan di mana jua ia akan terjadi akibat kecuaiian manusia, litar pintas, masakan yang ditinggalkan dan lain-lain lagi. Kebakaran ataupun api bermula dari kecil sepertimana dalam Sains Kebombaan unsur kejadian api bermulanya segi tiga pembakaran (*Triangle of Combustion*) di mana kebakaran berlaku hasil tindak balas kimia yang melibatkan 3 elemen :-

- i) Bahan Pembakar (*Fuel*)
- ii) Kepanasan (*Heat*)
- iii) Udara (*Oxygen*)

Sebagai persediaan tindakan awal keperluan untuk memadam kebakaran dengan adanya memiliki alat pemadam api boleh mengurangkan kadar jumlah kerugian sekaligus korban nyawa berlaku akibat kejadian kebakaran. Kertas cadangan ini menfokuskan keperluan alat pemadam api perlu ada di setiap rumah kediaman dan kenderaan ini adalah menjurus kepada :-

- i) Perumahan baru RPN dan STKRJ,
- ii) Barek Kerajaan,
- iii) Kenderaan Darat (Kereta baru) dan Sungai (Motor Sangkut baru).

Ini bertujuan bagi memadam kebakaran kecil yang baru bermula di samping menyelamatkan harta benda, kertas kerja cadangan ini menumpukan perhatian kepada pihak-pihak berkenaan khususnya Jabatan Kemajuan Perumahan Negara, Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan dan pihak swasta pembekal agen kereta dan motor sangkut.

Objektif Cadangan :

- i) Ke arah meningkatkan keselamatan penghuni rumah, pengguna kereta dan motor sangkut dalam mengurangkan kadar kerugian tinggi akibat kebakaran.
- ii) Bagi merealisasikan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat dari segi Pencegahan kebakaran.
- iii) Berkonsepkan *Performance Oriented Objectives* dalam mendukung pelan strategik Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri :-
 - a. Matlamat Strategik 1 – Mengurangkan Kejadian Kebakaran dan Jumlah Kerugian Setiap Tahun melalui meningkatkan keberkesanan sistem perlindungan kebakaran.
 - b. Matlamat Strategik 5 – Meningkatkan Kualiti perkhidmatan kepada orang ramai melalui memantapkan perkhidmatan kepada pelanggan dengan keselamatan kebakaran untuk mencapai *Customer Satisfaction* bagi memantapkan kapasiti dan kualiti perkhidmatan.
- iv) Mendukung Visi Jabatan Bomba dan Penyelamat ‘Bekerjasama dengan masyarakat bagi melindungi apa yang mereka hargai’.

8) KUMPULAN KRISTAL

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**Tajuk Cadangan : “ Brunei E-Visa Penaiktarafan Perkhidmatan Ke Arah Kecemerlangan
Dan Kemajuan Negara ”**

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Dayang Ema Sa'datul Iza binti Haji Emran, Ketua Pegawai Imigresen Kanan

Dayang Zuraidah binti Haji Mat Zain, Penyelia Pejabat

Dayang Siti Zarinah binti Haji Lusin, Kerani

Dayang Fazryinah binti Yasin, Pembantu Pejabat

Dayang Nurul Issi Yanti @ Fitriah binti Maidi, Pekerja Tingkat III

Sinopsis :

Dunia pada masa ini mengalami kelemahan dan kegawatan ekonomi. Negara Brunei Darussalam juga turut terlibat yang mana Kerajaan rancak meningkatkan usaha-usaha ke arah menggandakan ekonomi melalui keluaran dalam negara selain sektor minyak dan gas misalnya melalui sektor Industri Pelancongan. Pengeluaran visa masuk bagi pelancong-pelancong asing adalah merupakan nadi terpenting sebagai peneraju kepada perkembangan ekonomi negara. Walau seberapa hebat pelan-pelan tindakan ke atas perkembangan

infrastruktur negara untuk industri pelancongan, perkara pertama yang paling mustahak adalah untuk mendapatkan 'visa' bagi pelawat-pelawat berkenaan masuk ke negara ini. Persektif kepentingan dan impak positif kemasukan pelawat ke negara ini adalah sangat meluas yang mana ianya bukan sahaja tertumpu kepada warga asing yang semata-mata bertujuan untuk melancong tetapi juga melibatkan kemasukan pelabur-pelabur asing yang menyumbang kepada perekonomian negara melalui Jawatankuasa Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Industri Hiliran (*Downstream Industry*).

Oleh yang demikian, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memegang peranan yang terpenting dalam memproses dan mengeluarkan visa masuk bagi warganegara asing yang ingin masuk ke Negara ini. Untuk memberikan perkhidmatan yang efisien dan ke arah penambahbaikan, Jabatan memperkenalkan Projek '*Brunei e-Visa*' iaitu perkhidmatan permohonan visa secara *online* sebagai cadangan untuk menaiktaraf perkhidmatan yang sedia ada ke arah perkhidmatan yang berinovasi, mudah dan berkesan. Beberapa kaedah pengurusan digunakan antaranya adalah Kaedah Penandaarasan dan Kaedah Analisa Kos-Faedah bagi menilai kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaan projek ini. Selain itu, matlamat pelaksanaan cadangan projek adalah untuk mendapatkan impak yang positif bukan sahaja kepada perkhidmatan awam dan pelanggan tetapi juga kepada perkembangan ekonomi negara dalam menyahut cabaran Wawasan Brunei 2035.

Objektif Cadangan :

- Untuk membangunkan sebuah sistem aplikasi '*Brunei e-Visa*' bagi kemudahan orang awam memohon visa masuk ke Negara ini secara *online* di mana-mana sahaja dan bila-bila masa tanpa perlu berurusan ke pejabat kaunter Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan atau ke Perwakilan Brunei Darussalam di luar negara,
- Untuk menyahut saranan Kerajaan ke arah aspirasi Wawasan Brunei 2035 dengan menjadikan projek '*Brunei e-Visa*' sebagai salah satu program e-Kerajaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.
- Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan ke arah kecemerlangan agar lebih cepat, mudah, efisien dan efektif.
- Untuk memperkenalkan dan menambah satu inovasi baru dalam perkhidmatan awam,
- Sebagai penambahbaikan dan pemudah cara dalam meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan efisiensi dalam urusan perkhidmatan Jabatan,
- Untuk memberikan perkhidmatan awam sejajar dengan arus perkembangan era globalisasi dan mengikut piawaian antarabangsa.

9) KUMPULAN UMMUL ANNISA

Universiti Teknologi Brunei

Kementerian Pendidikan

**Tajuk Cadangan : “ Menaik Taraf Mutu Perkhidmatan Kaunter Perjumpaan
Berjadual Secara Atas Talian ”**

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Dr Dayang Wida Susanty binti Haji Suhaili, Pensyarah Kanan

Dayang Nor Huraizah binti Haji Mohd Tahir, Penuntut

Sinopsis :

Peranan perkhidmatan kaunter perjumpaan adalah amat penting bagi Jabatan Kerajaan yang berurusan secara langsung dengan orang ramai sebagai pelanggan di kaunter. Perkhidmatan kaunter perjumpaan juga merupakan perkhidmatan barisan permulaan dan telah menjadi lumrah bagi setiap jabatan memberikan layanan kepada orang ramai dalam membuat sebarang urusan harian sesuai dengan fungsi setiap jabatan.

Bagi orang ramai kualiti perkhidmatan kaunter perjumpaan adalah gambaran awal tentang imej sesebuah Jabatan Kerajaan. Jika kualiti perkhidmatan kaunter perjumpaan kurang memuaskan boleh menjejaskan imej Jabatan Kerajaan secara khusus serta perkhidmatan awan secara am. Dari segi sudut masa perkhidmatan kaunter perjumpaan bagi perjumpaan



bersama orang ramai perlu diambil kira dengan menyediakan tempahan perjumpaan secara *'real-time'* bagi meningkatkan integriti Perkhidmatan Awam dan memberikan kepuasan hati pelanggan serta dapat memenuhi expektasi mereka.

Kertas cadangan ini disediakan sebagai satu langkah bagi mencadangkan Jabatan Kerajaan yang mempunyai perkhidmatan kaunter perjumpaan untuk memberikan perkhidmatan kaunter perjumpaan secara atas talian bagi memuaskan hati pelanggan dan seterusnya mewujudkan perkhidmatan kaunter perjumpaan yang berkualiti. Di samping itu memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan mesra pelanggan. Untuk memperbaiki dan seterusnya mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam agar ianya lebih mantap dan fleksibel. Di samping itu juga, ianya diharap akan dapat menjadikan sebuah organisasi itu lebih efisien, terarah dan terancang.

Objektif Cadangan :

- Menjadikan tempahan masa perkhidmatan kaunter perjumpaan atas talian sebagai satu langkah untuk mengurangkan barisan yang panjang bagi para pelanggan.
- Memberi kemudahan kepada para orang ramai dengan memilih masa untuk perkhidmatan kaunter perjumpaan yang bersesuaian dengan masa mereka supaya pelanggan tidak tergesa-gesa ke sesebuah Jabatan.
- Penyediaan masa tempahan perkhidmatan kaunter perjumpaan atas talian dengan *'Real Time'* dapat memudahkan Jabatan Kerajaan memantau jumlah penerimaan pelanggan untuk menangani barisan yang panjang dan menangani unsur-unsur rasuah dan ketidakpuasan pelanggan.
- Memberikan waktu dan masa kepada pelanggan yang berurusan sentiasa selesai seperti ruang masa berurusan tidak mengganggu masa waktu bertugas pelanggan.
- Menyelenggarakan urusan pelanggan secara berjadual di waktu operasi yang mana penyediaan jadual urusan secara *"online"* bagi mengelakkan *"potong jalan orang"* dan mengelakkan rasuah.
- Mengurangkan kos pembelian kertas, toner dan mesin pencetak supaya perancangan perbelanjaan lebih berhemat demi menjana pertumbuhan ekonomi untuk mengelakkan pembaziran.



10) KUMPULAN CNS UTB

Universiti Teknologi Brunei

Tajuk Cadangan : “ Kaedah Memastikan Ubat Yang Mencukupi Dengan RFID Stok Inventory ”

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Dr Awang Au Thein Wan, Dekan

Dayang Dr Wida Susanty binti Haji Suhaili, Pensyarah Kanan

Awang Haji Tazrajiman bin Haji Tajuddin, Pensyarah Kanan

Awang Haji Rudy Erwan bin Haji Ramlie, Pensyarah

Mohammad Yazid bin Awang Yusof, Mahasiswa

Sinopsis :

Cadangan ini merupakan satu penambahbaikan bagi proses penyelenggaraan dan pengagihan ubat-ubatan di kaunter-kaunter ubat di hospital-hospital Kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan. Cadangan ini mengemukakan penggunaan teknologi RFID bagi mengesan aliran data-data bagi ubat-ubatan dari pembekal, gudang ubat, stor ubat dan akhirnya kaunter ubat.

Cadangan ini memberi nilai tambah bagi menambah efisiensi dalam pengurusan ubat-ubatan dan secara tidak langsung akan mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan. Secara umumnya cadangan ini akan menambah baik lagi tekad pemedulian orang ramai

bagi jabatan-jabatan yang terlibat. Ianya juga sebagai salah satu cara untuk mengurangkan perbelanjaan dan pada masa yang sama memastikan bekalan ubat-ubatan mencukupi sama ada bagi ubat-ubatan yang terlaris mau pun tidak.

Objektif Cadangan :

- Menggunakan kaedah RFID dalam *stok inventory* bagi memastikan bekalan ubat sentiasa mencukupi secara sistematik dan automatik untuk keperluan harian.
- Menggunakan kaedah RFID dalam *stok inventory* bagi mengurangkan kebergantungan kepada *input* pengendali ubat dengan menggunakan sistem automatik untuk mengurangkan kesalahan pengendali (*human error*).
- Mencegah pembaziran kerana kaedah ini dapat memastikan tiada ubat yang luput tarikh mansuh. Sistem yang dicadangkan boleh memastikan ubat akan dikeluarkan kepada pesakit sebelum tarikh berakhir.
- Memastikan jangkaan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang cemerlang dan berkualiti tinggi.

11) Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Tajuk Cadangan : “ Meningkatkan Keberkesanan Khutbah Jumaat Di Masjid-Masjid
Negara Brunei Darussalam ”**

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli :

Awang Zulkifli bin Haji Zakaria

Sinopsis :

Kepentingan dan peranan masjid dalam pembangunan umah adalah amat penting dan keutamaan bagi Negara Brunei Darussalam. Pihak Kerajaan telah mengambil langkah dengan menubuhkan sebuah jabatan untuk mentadbir, mengurus dan mengimarahkan masjid bersesuaian dengan peranan dan fungsinya yang sebenar seperti peranan masjid di zaman Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, zaman para sahabat Khulafa al-Rasyidin dan khalifah-khalifah seterusnya.

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Masjid pada 1 Oktober 1993, adalah merupakan perkembangan daripada Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Masjid ini adalah amat bertepatan dengan fungsi masjid dan beberapa struktur Bahagian Hal Ehwal Masjid yang terkandung di dalamnya ialah Bahagian Perkembangan dan Penyelidikan. Merujuk kepada tugas dan tanggungjawab Bahagian Perkembangan dan Penyelidikan di Jabatan Hal Ehwal Masjid jelas bahawa fungsinya lebih fokus berkaitan dengan Khutbah Jumaat. Organisasi ini sudah tentu berusaha untuk sentiasa mengambil peranan dan perhatian terhadap kemajuan dan perkembangan Khutbah sebagai media berkesan dalam kehidupan masyarakat di Negara Bunei Darussalam. Cadangan ini dihasratkan untuk meningkatkan peranan khutbah Jumaat sebagai media berkesan dalam membangun masyarakat Islam di negara ini berdasarkan kepada enam dimensi dan faktor dalam meningkatkan keberkesanannya.

Objektif Cadangan :

- Meningkatkan kualiti penyampaian Khutbah Jumaat di masjid-masjid.
- Menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan Khutbah Jumaat.
- Meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan Jabatan Hal Ehwal Masjid dalam aspek Khutbah Jumaat sebagai media dakwah.

12) KUMPULAN AMI (ASSET MANAGEMENT INITIATIVES)

Jabatan Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

Jabatan Kerja Raya

**Tajuk Cadangan : “ Meningkatkan Tatacara Bagi Penghapusan Barangan
Mekanikal Dan Elektrikal ”**

Kategori : Kertas Cadangan



Ahli-Ahli :

Dr Dayang Rohaniyati binti POKS DSP Haji Md Salleh, Pemangku Pengarah Mekanikal dan Elektrikal

Awang Abdullah bin Haji Najib, Pemangku Penolong Pengarah Mekanikal dan Elektrikal

Awang Midon bin Haji Yassin / Haji Matyassin, Ketua Pembantu Teknik

Awang Haji Narudin bin Ahad, Pembantu Teknik Kanan

Awang Muhammad Sufian bin Abdullah Jabing @ Sujib Sophian, Pembantu Teknik Kanan

Awang Ahmad Radhi bin Haji Mohd Suot, Penyelia Pejabat

Awang Norizal bin Awang Haji Masri, Pembantu Teknik

Awang Mazalan bin Ahmad, Pembantu Teknik

Awang Abdullah Sani bin Haji Othman, Pegawai Tingkat I

Ampuan Noorhimmah Irawati binti Ampuan Ibrahim, Pengawas Tingkat I

Sinopsis :

